

Sa-buah \$ 1.50

- * Siri "Rengkasan Sejarah" ini di-susun mengikut Sukatan Pélajaran Tanah Melayu untuk Sèkolah Ménengah, oleh sa-orang guru yang bér-kelulusan dan bérpengalaman.
 - * Buku ini mendapat pérhatian dan tahniah dari-pada Ustaz Haji Nik Mohyideen Musa A.M.N. sa-kètika béliau mémangku jawatan Pengëtua Kolej Islam, dan juga di-tashekhan oleh Ustaz Hasan Saleh, B.A., Pénsharah Kolej Islam.
 - * Kedua2 béliau mengalu2kan buku ini ménjadi panduan bésar dan elok kapada pélajar2 di-Sèkolah Ménengah mengikuti pélajaran Sèjarah Islam.
- * * * *

Untuk Tingkatan III ... sa-buah \$ 1.50
Untuk Tingkatan IV ... (dalam chetak)

TINGKATAN V

(Mengikut Sukatan Federal)

Rengkasan Sejarah

Tamaddun Islam
Dan
Perpechahan Mazhab²
Dalam Sejarah
Perundangan Islam

Ahmad Mahdi Mihad
S. T. Kolej Islam Malaya.

دُقْرِيْمِكْنُ اوله
مَكْتَبَهُ الْحَاجِ عَبْدِاللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ نُورِ الدِّينِ الرَّاوِيِّ،
أَجْيَانِ سُرِّيَّتِهِ، قِيفَاعُ.
55

Rengkasan SĒJARAH

Tamaddun Islam
Dan
Perpechahan Mađhab2 Dalam
Sējarah Perundangan Islam

Karangan

Ahmad Mahdi Mihad

(Sijil Tētinggi, Kolej Islam Malaya)

Di-tashekhan oleh:

Ustaz Hasan Saleh, B.A. (Azhar)

(Pēnsharah Kolej Islam Malaya)

Di-susun Mengikut Sukatan Pēlajaran Federal

Untok

TINGKATAN V

Sēkolah2 Mēnēngah Pērsēkutuan Tanah Mēlayu.

Chetakan Pertama 1964

(Ségala Hak Tērpēlihara)

Uchapan Tahniah

Oleh: **Ustaz Hj. Nik Mohyideen Musa, A.M.N.**
(Pg. Pēngētua Kolej Islam Malaya)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dalam zaman pēmbangunan bagi nēgēra kita yang muda ini maka harus-lah di-ambil pērhatian yang bērat bērkēnaan dēngan pēmbangunan rohani dan ‘ilmu pēngētahuan yang bērsangkut dēngan ugama Islam yang suchi. Ugama Islam yang suchi ada-lah mēnjadi tēnaga yang paling bērkēsan untok mēmbēntok warga nēgara supaya bērfa’edah kapada bangsa dan ugama sērta nēgēri pada masa hadapan.

Saya mēnguchapkan tahniah yang tinggi kapada Ustaz Ahmad Mahdi Mihad, salah sa-orang pēlajar yang tēlah tammat daripada Kolej Islam Malaya, yang mana tēlah bērtugas mēnjadi pēndidek pada masa ini. Bēliau tēlah mēnulis buku “Rengkasan Sējarah Islam” bagi Tingkatan Tiga, Ēmpat dan Lima Sēkolah Mēnēngah, mēngikut Sukatan Pēlajaran Kēmēnterian Pēlajaran, P.T.M. Buku tērsēbut walau pun rengkas, tētapi adallah mēnjadi suatu buku panduan yang elok kapada pēlajar2 Tingkatan Mēnēngah yang ingin mēmasoki pēpēreksaan sijil Mēnēngah Pērsēkutuan atau F.M.C. dan mēnjadi bimbingan kapada mēreka yang ingin mēngētahui tēntang selok-belok sējarah Islam pada zaman Mu’awiah, Kērajaan Islam di-Spain, juga Kērajaan Islam ‘Abbasiah.

Dēngan ini saya mēnguchapkan tērima kaseh kapada pēngarang yang tēlah mēmbēri suatu sumbangan yang bērharga tērhadap pēngētahuan Islam dan juga tēlah mēambahkan khazanah pērpustakaan Mēlayu mēnērusi Bahasa Kēbangsaan. Saya bērdo’a agar buku ini mēndapat sambutan yang baik daripada pēmuda pēmudi dan satērus-nya dari kalangan masharakat Islam di-Pērsēkutuan.

Di-tērbitkan oleh:
H. ABDULLAH B. M. NOORDIN ARRAWI,
Talipon: 61813
55, Acheen Street, Penang.

Di-chetak oleh:
THE UNITED PRESS,
Talipon: 60050
29-E, Dato Kramat Road, Penang.

Aluan Pèntasheh:

Ustaz Hasan bin Saleh, B.A. (Azhar)
(Pénsharah Kolej Islam, Malaya)

Dengan Nama Allah, Tuhan Yang Amat Pémurah Lagi Pèngasihani.

Rengkasan Sèjarah Islam yang di-tulis oleh Ustaz Ahmad Mahdi bin Mihad untuk pélajar2 tingkatan III, IV dan V, tèlah saya semak dan tatapi dengan halus-nya. Pénulis tèlah mëmpérkatakan dengan rengkas tentang pérkembangan dan péristiwa2 sèjarah yang penting dalam zaman pémérentahan Bani Umayyah, Bani 'Abbasiah, Islam di-Andalus (Spain) dan këmudian di-ikuti dengan pérkembangan Islam di-'Alam Mèlalu.

Walau pun risalah ini agak rengkas tétapi pérkara2 bésar dan péristiwa2 yang mustahak hampir di-térangkan-nya. Risalah ini ada-lah mënjadi panduan bésar kapada pélajar2 sèkolah mënèngah untuk mengikuti pélajaran sèjarah Islam yang tèlah di-tetapkan oleh kërajaan bagi sèkolah2 mënengah. Tidak shak lagi hasil karya saperti ini ada-lah bésar erti-nya kepada këmajuhan dan këgiatan këbudayaan dan pérpustakaan Islam pada 'am-nya, yang harus di-sanjung oleh kaum Muslimin di-Malaysia tèrutama gulongan pélajar2 yang sëdang mengikuti pèngajaran Islam.

Dalam zaman këmérdekaan dan pémbangunan kita pada masa sëkarang ini, maka risalah saperti ini harus-lah di-chetak dan di-sebarkan kepada umum, supaya dengan ini kaum Muslimin di-sini dapat mengikuti 'ilmu pèngëtahuan yang bërhubong dengan Islam dalam bahasa Mèlalu. Dengan langkah saperti ini bërerti-lah kita békérjasama mëndaulatkan bahasa Mèlalu untuk mënjadi bahasa pèngëtahuan dan pèngajian. Ustaz Ahmad Mahdi Mihad ada-lah sa-orang daripada lèpasan Kolej Islam yang bërgiat dalam bidang pëndidekan dan karang mëngarang. Saya harap bakat yang baik saperti ini hëndak-lah di-pupuk dari sa-masa ka-samasa, supaya hasil karya-nya dapat di-ni'mati bersama oleh kaum Muslimin di-Malaysia ini.

Saya bërdo'a muga2 risalah ini mëndapat tèmpat yang baik dan pénërimaan yang hangat dari kaum Muslimin, dan sa-terus-nya mënjadi sumbangan yang besar kapada pèngëtahuan Islam yang bërhak mënërima këridzaan daripada Tuhan yang Maha Pémurah, sëbab bëliau tèlah mënunaikan tugas sélaku (عَلَمٌ يَنْتَهُ بِهِ 'Ilmu yang bërguna kapada kita, wabillah-hi at-taufiq.

Klang, pada 1/6/64

(iv)

KANDONGAN-NYA

Muka surat

Uchapan Tahniah: oleh Ustaz Hj. Nik Mohyideen Musa.

A.M.N. (ii)

Aluan Pèntasheh: Ustaz Hasan bin Saleh, B.A.(Azhar) (iii)

Pérsembahan Pèngarang 1

Bahagian I

(SËJARAH TAMADDUN ISLAM)

Ugama Islam: Ugama 'Aqidah Dan 'Amal:

Ugama Islam — Islam ugama 'aqidah dan 'amal — Islam sa-bagai 'aqidah — Islam sa-bagai undang2 'amalan 3- 5

Këbudayaan Arab:

Bangsa Arab — Përgaulan bangsa Arab — Këpérchayaan — Ekonomi bangsa Arab — 'Ilmu pèngëtahuan bangsa Arab 6-11

Kësan Islam Dalam Këbudayaan Arab:

Përgaulan — Politik — Ekonomi — 'Ilmu pèngëtahuan 12-14

Islam Dan 'Ilmu Pèngëtahuan-nya:

Sèjarah — 'Ilmu këmusharakatan — Këtata-négaraan — Moral — Falsafah 15-18

Pérkembangan Këbudayaan Islam 19-21

Pèngaroh Asing Dalam Këbudayaan Islam:

Bila bërmula-nya — Chara-nya — Sumbangan dari Farsi — Sumbangan dari India — Sumbangan dari Gërik 22-26

Sumbangan Islam Kapada Tamaddun Dunia:

'Ilmu Sèjarah — 'Ilmu 'Alam — Falsafah — Pérubatan — 'Ilm Hisab — Pènjelajahan 28-36

(v)

Muka surat

Bahagian II (SÉJARAH PĚRUNDANGAN ISLAM)	
Kéjadian 'Ilmu Fiqh 38-39
Tingkatan2 Pérundangan Islam 40-43
Pérpechahan Mazhab Dalam Pérundangan Islam dan Pérkembangan-nya:	
Mazhab — Fiqh Islam — Asas pérundangan Islam — Sumbar2 pérundangan Islam 44-47
Pértumbuhan Dan Pérkembangan Mazhab2 Fiqh Islam:	
Kémushkilan — Sébab2 pérslisihan 48-51
Pengenalan Rengkas Imam2 Mazhab Yang Empat:	
1. ABU HANIFAH: Siapa-kah Abu Hanifah? — Pérkembangan Mazhab Hanafi 52-54
2. MALIK BIN ANAS: Siapa-kah Imam Malik? — Pérkembangan Mazhab Maliki 55-56
3. MUHAMMAD BIN IDRIS AS-SHAFI'E: Siapa-kah Imam Shafi'e? — Pérkembangan Mazhab Sahfi'e. 57-59
4. AHMAD BIN HANBAL: Siapa-kah Imam Hanbali? — Pérkembangan Mazhab Hanbali 60-61

PĚRSĚMBAHAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Al-Hamdu-Lillah dengan pertolongan Allah selsai-lah saya menyusun rengkasan ini. Mudah2an membéri fa'edah kepada semua pelajar2 ugama Islam dalam Tingkatan V, juga sidang pěmbacha sakalian. Buku yang berasa rengkasan ini saya persémbahkan dengan harapan supaya ménambahkan lagi bilangan buku2 pelajaran ugama Islam sa-bagai satu mata pelajaran dalam pěpreksaan Sijil Pěrsékolahan Sěběrang Laut atau Sijil Pelajaran Persékutuan.

Buku ini di-susun sa-chara rengkas dengan ménitek-bératkan perkara2 yang penting di-pelajari oleh pelajar2 dalam tingkatan V bérdasarkan sukatn Pelajaran Federal. Di-dalamnya ada juga ditrangkan peta kasar sa-bagai panduan bagi pelajar2 memahami isi pelajaran.

Walau bagaimana pun pehak saya tetap mengakuі kěkuran buku ini dalam bérbagai sègi. Oleh itu saya sedia ménrima kěritik dan tunjok ajar para bijak pandai kita supaya menjadi pědoman kapada saya di-masa yang akan datang.

Sakian-lah dan kapada Allah jua kita měnharapkan taufik dan hidayah-Nya.

Wassalam,

Ahmad Madi Mihad,
Guru Ugama,
Alor Star,
Maktab Sultan Abdul Hamid,
pada 10hb. Ogos, 1963.
Alor Star, Kedah.

Tingkatan I Permenpan dan KPKL
Permenpan Kabinet Islam Pemerintahan Islam dan
Perbenihan dan menyatakan
yang di-jelaskan diatas merupakan kesohongan dalam Islam.
namun ia juga dibentuk oleh seorang yang mewujudkan
kehadiran dan pengaruhnya ini adalah seorang yang
dikenali sebagai Syekh Ahmad bin Hanbal. Ia dilahirkan pada tahun
780 Masihi di Madinah. Ia adalah seorang yang
dikenali sebagai Syekh Ahmad bin Hanbal. Ia dilahirkan pada tahun
780 Masihi di Madinah. Ia adalah seorang yang

BAHAGIAN I

Sejarah Tamaddun

Islam

Ugama Islam - Ugama 'Aqidah Dan 'Amal

UGAMA ISLAM.

Ia itu undang2 yang di-shari'atkan oleh Allah subhanahu wata'ala mélalui rasul-Nya untuk di-sampaikan kepada umat manusia. Islam di-pandang dari segi pěngertian 'am ia-lah undang2 hidup bagi měmimpin manusia menuju matlamat hidup hahagia; hidup yang di-redha'i oleh Allah. Undang2 ini untuk menyelamatkan hidup manusia, sesuai pula dengan kěhendak manusia yang memang-nya chintakan kěselamatan dan kěamanan dalam hidup. Hanya manusia yang běrpěgang těgoh dengan undang2 ini sahaja yang akan měni'mati kěselamatan dan kěamanan di-dunia dan akhirat.

ISLAM UGAMA 'AQIDAH DAN 'AMAL.

Kita rasa pěrlu menyentoh kata2 yang mashhor di-di-tutor oleh 'ulama Islam untuk měmpěrkěnalkan hakikat ugama Islam. Banyak orang yang tahu měntorkan-nya, tětapi sadikit běnar měreka yang fahamkan maksud-nya yang luas itu. Kata2 ini memang sa-bagai satu chabaran dan pěnjelasan ka-atas tuduhan yang měngatakan, bahawa Islam itu ta' lěbeh dari hanya satu kěpěrchayaan sahaja. Běrat-lah sangkaan kita bahawa tuduhan ini kěluar dari gulongan manusia yang anti Islam sa-hingga běrani měngeluarkan tuduhan měmbabi buta tanpa menyiasat. Itu-lah agak-nya gulongan yang měngkirikan Islam dalam pěrpěgangan hidup-nya kalau-lah yang měmbuat tuduhan itu měngaku'i diri-nya běrugama Islam.

Islam yang di-kěnal sa-bagai satu ugama wahyu itu ta' pula běrerti yang ia ta' lěbeh dari hanya satu kěpěr-

chayaan sa-mata2. Di-samping kēpérchayaan itu Islam ménshari'atkan pula undang2 békérja. Undang2 ini-lah yang di-kenal dengen undang2 mu'amalah Islam. Dengan ini jelas-lah bahawa pérkataan "Islam" yang di-kenal sa-bagai satu ugama itu mēngandongi dua pérkara yang bēsar, ia-itu 'aqidah dan 'amal. 'Aqidah ia-lah kēpérchayaan dan 'Amal ia-lah kérja. Itu-lah dia maksudnya "Islam ugama 'aqidah dan 'amal."

ISLAM SA-BAGAI 'AQIDAH.

Péranan Islam dari sēgi ini ia-lah mēmbértulkan antara manusia dengen Tuhan-nya. Manusia hēndak-lah tērlébeh dahulu mēngerti, sēdar dan faham bahawa dia itu ia-lah makhlok yang di-chiptakan oleh Yang Maha Kuasa dan mēngakuui pula wujud-nya Yang Maha Kuasa itu. Sa-tēlah pērhubongan-nya dengen Tuhan-nya itu baik maka baharu-lah di-shari'atkan undang2 'amal. Ta' bērguna di-shari'atkan apa2 undang2 juu sa-lagi manusia bēlum mēngēnal siapa yang ménshari'atkan undang2 itu. Itu-lah sēbab-nya di-dapati bahawa manusia yang ta'atkan undang2 Tuhan-nya itu ada-lah dari gulongan manusia yang baik pērhubongan dengen Tuhan-nya. Itu-lah juga mēngapa Islam pērtama kali-nya bērsikap mēmpērbaiki pērhubongan sa-saorang manusia itu dengen Tuhan-nya. Kēmudian baharu-lah di-ikuti dengen langkah mēmpērbaiki pērbuatan dan pēkérjaan-nya.

ISLAM SA-BAGAI UNDANG2 'AMALAN.


Péranan Islam sa-tēlah mēmpērbaiki kēpérchayaan ia-lah ménshari'atkan pula undang2 békérja. Islam mēnérangkan chara2 békérja yang mēnjamin kēsélama-tan dan kēbahagiaan hidup bukan hanya untuk kēpēn-tungan pērsaorangan, tētapi untuk semua gulongan manusia. Dari sēgi ini Islam mēmbahagikan kepada dua jenis 'amalan:

(i) 'Amalan yang di-pērtanggong jawab ka-atas

manusia supaya di-lakukan sa-bagai mēn-junjong titah bagi mēbuktikan pēng'abdian diri-nya kapada Tuhan-nya. 'Amalan yang bagini-lah di-katakan "Ibadat."

(ii) 'Amalan yang di-lakukan oleh manusia dan ada pérkaitan-nya dengen manusia lain apabila 'amalan itu di-lakukan. Undang2 mēngēnaï hal ini-lah yang di-katakan "Undang2 kēma-sharakatan." Undang2 kēmasharakatan ini luas mēliputi pérkara2 yang bērhubong dengen mu'amalah, nikah kahwin dan hal2 yang bēr-hubong dengen janayah.

Dengan pēnjēlasan rengkas tadi faham-lah kita bahawa Islam bukan hanya ugama kēpérchayaan tētapi juga ugama mēmandu chara2 békérja yang sēmpurna dalam hidup. Untuk bērtambah jelas chuba-lah faham-kan rajah di-bawah:



SOALAN2:

1. Apa-kah dia ugama Islam ?
2. Apa-kah tujuan Allah ménshari'atkan ugama Islam ?
3. Sa-jauh mana-kah ugama Islam itu dapat mēnjamin hidup sa-saorang manusia ?
4. Apa-kah yang di-katakan " 'aqidah" dan apa pula " 'amal " ?
5. Apa-kah péranan Islam dari sēgi 'aqidah ?
6. Apa-kah péranan Islam dari sēgi 'amal ?
7. Tulis-lah sērba sadikit apa yang kamu tahu bērkēnaan: "Islam ia-lah ugama 'aqidah dan 'amal."

Kebudayaan Arab

Oleh kérana bangsa Arab ada-lah bangsa yang pěrtama sa-kali ménenerima Islam, maka kita pěrlu běnar měng-tahui sěrba sadikit kěbudayaan měreka. Děngan ini dapat-lah kita měmbuat těkaan sa-jauh mana-kah Islam běrjaya měnyusun chara hidup manusia.

BANGSA ARAB.

Ia-itu bangsa yang tinggal di-Séměnangong Tanah Arab. Měreka běrasal dari kěturunan Sam anak Noh. Hěndak měmpěrkatakan satu pěrsatu měngěnai rum-punan, pěmbahagian dan pěchahan bangsa Arab dari sat-ingkat ka-satingkat, ada-lah satu kěrja yang mungkin di-anggap těrkēluar dari maksud rengkasan. Měmada-lah kita sěntohi sěrba rengkas měngěnai kěadaan měreka dalam zaman jahiliah.

Měngkaji sějarah Arab purba, kita sěring běrtěmu děngan pěrkataan "Jahiliah." Zaman jahiliah ia-lah zaman sa-bělum zahir-nya ugama Islam. Pěrkataan "Jahiliah" běrasal dari pěrkataan "Jahil" yang běrerti bodoh atau tolol. Měngikut ahli sějarah bahawa pěna-maan ini tidak-lah di-maksudkan yang měreka itu manusia jahil tětapi ada-lah běrdasarkan chara hidup dan kěrja2 měreka yang agak pinchang dan ta' sa-harus-nya těrbit dari fikiran manusia yang waras sapěrti měng-hina anak pěrěmpuan, běrpěgang těgoh děngan 'adat2 karut, běrměgah2 děngan suku dan lain2 lagi.

PĚRGAULAN BANGSA ARAB.

Bangsa Arab hidup běrsuku2 dan běrpuak2. Ta'asub kapada suku-nya těrutama sa-kali Arab Badwi. Satu pěrkara yang memang běrada pada suku Arab Badwi ia-lah suka běrpěrang; pěrpindah2 dari sa-těmpat ka-

satěmpat atas tujuan ekonomi dan lain-nya. Sa-těngah daripada suku2 Arab itu měnghinakan anak2 pěrěmpuan. Měreka měmbunoh anak2 pěrěmpuan měreka sějak ia maseh kěchil lagi, lěbeh2 lagi kalau měreka sělalu běrpěrang antara suku kěrana takut malu dan papa. Měreka juga měngharamkan hak2 pěrěmpuan kěrana kurang sumbangan dalam měmpěrtahankan suku. Tětapi tidak-lah pula běrerti bahawa sěmua suku2 Arab itu mělakukan pěrkara itu.

Satu2 suku itu boleh juga běrchantum děngan suku yang lain untok kěpěntingan pěrtahanan atau ekonomi dan sa-bagai-nya. Pěrchantuman ini di-lakukan děngan chara sumpah sětia. Suku yang kěchil antara dua itu-lah těrpaksa tundok di-bawah tadbiran suku yang lagi satu itu.

KĚPĚRCHAYAAN.

Orang2 Arab měmpunyaï běrbagai2 jenis kěpěr-chayaan. Antara měreka ada měnyembah api, batu, kayu, matahari, bulan dan běrbagai2 jenis kěpěrchayaan lagi. Pendek kata dalam hal ini měreka ada-lah 'ibarat si-butu kěhilangan tongkat. Kěpěrchayaan2 měreka ada-lah běrdasarkan khayalan dan tiru měniru bělaka. Měreka sangat pěrchayakan sial dan mujor běrdasarkan pěralehan dan kějadian tabi'e yang pělek2. Antara měreka ada juga yang měnganuti ugama samawi, ia-itu ugama Yahudi dan Nasrani. Ugama ini di-tiru oleh měreka kětika měnjalankan pěrniagaan ka-Sham dan Farsi. Tětapi pěnganut ugama ini ada-lah sadikit běnar.

Antara kěpěrchayaan2 měreka yang pělbagai jenis itu, měnyembah běrhala-lah yang banyak di-anuti. Tam-bahan pula kěbanyakkan pěnganut2 ugama ini terdiri dari gulongan Arab yang běrpěngaroh. Arab Quraish yang di-pandang tinggi dan běrpěngaroh di-Makkah itu ada-lah orang2 yang kanan dalam ugama Wathani (Měnyembah Běrhala). Makkah dan Ka'bah-nya di-

zaman jahiliah ada-lah mashhor sa-bagai pusat pĕnyembahan2 bĕrhala.

Buat mĕreka mĕnyembah bĕrhala itu bukan-lah bĕrerti yang bĕrhala itu tuhan yang sa-bĕnar-nya mĕreka sĕmbah. Pĕranan bĕrhala hanya sa-bagai wasilah (orang tengah) yang akan mĕnyampaikan hajat2 mĕreka kapada tuhan yang sa-bĕnar-nya. Tĕtapi kĕpĕrchayaan ini buat masharakat Arab zaman jahiliah di-masa2 akhir-nya tĕlah kabor pula dan mĕreka tĕrus mĕnĕrus mĕmpĕr-chayaï bahawa bĕrhala yang mĕreka sĕmbah itu-lah tuhan yang sa-bĕnar-nya.

EKONOMI BANGSA ARAB.

Bangsa Arab Badwi mĕmpunyai sumbar ekonomi yang bĕrlainan daripada Arab Pĕkan. Mĕreka boleh dikatakan bĕrgantong sa-mata2 kapada hasil tĕrnakan binatang oleh kĕrana mĕreka ada-lah kaum pĕnternak. Susu binatang itu di-minum atau di-takong untok bĕkalan makanan bĕberapa hari yang bĕrikut pula. Dagingnya di-makan. Bulu-nya untok pakaian. Kulit-nya untok hamparan, khemah dan juga untok di-jadikan karong guna mĕngisi barang2 atau ayer.

Sa-lain daripada mĕnternak binatang, bĕrchuchok tanam ada-lah juga salah satu daripada sumbar ekonomi bangsa Arab. Ini hanya di-lakukan oleh penduduk2 di-daerah2 yang subor sahaja.

Antara sumbar ekonomi mĕreka juga ia-lah bĕrniaga. Ini pula satu keistimewaan Arab Pĕkan. Pĕrniagaan mĕreka pada ‘am-nya bĕrlaku di-sĕkitar nĕgara2 jiran Sémĕnanjong Tanah Arab saperti Sham, Farsi, Iraq dan Mĕsir. Ada juga antara pĕdagang2 mĕreka itu pĕrnah mĕnjelajah masok ka-nĕgara2 ta’alokan Rome saperti ‘Amru Ibn-ul-‘As. Ada pun pĕrniagaan kaum Quraish Makkah bĕrlaku dua kali sa-tahun. Pada musim panas mĕreka mĕnghala ka-utara ia-itu ka-Sham, manakala pada musim sĕjok pula mĕreka ka-sĕlatan ia-

itu ka-Yaman.

Ada juga gulongan bangsa Arab yang suka hidup lĕbeh bebas dan bĕrmĕgah2 dĕngan kĕkuatan tĕnaga. Mĕreka mĕnganggap pĕnternak dan pĕdagang itu dari gulongan yang hina dan pĕngĕchut. Dari kalangan mĕreka ini-lah tĕrbĕntok-nya lanun2 darat yang bĕr-maharajalela mĕrampas harta punya qafilah dagangan di-padang pasir. Sumbar ekonomi mĕreka ia-lah mĕrampas dan mĕnyamun sahaja. Ini ada-lah satu dari-pada sĕbab2 mĕngapa bĕrlaku-nya pĕpĕrangan yang ta’habis2 di-kalangan masharakat Arab zaman jahiliah.

‘ILMU PĔNGĚTAHUAN.

‘Ilmu pĕngĕtahuan mĕreka tĕrhad bĕnar. Hanya bĕrpusing di-sakitar kĕpĕrluan hidup mĕreka sa-hari2. Antara ‘ilmu pĕngĕtahuan mĕreka ia-lah:

(i) ‘ILMU BINTANG.

Oleh kĕrana mĕreka kaum pĕrniagaan yang sĕlalu mĕrantau dalam padang pasir yang sukar di-chamkan jalan-nya, tĕrpaksa-lah mĕreka bĕrpandu kapada alat2 yang tĕrtĕntu. Dalam sa-panjang jalan mĕreka bĕrdagang itu hanya pasir, manakala pada malam hari pula kĕlihatan-lah bintang2. Sĕbab itu mĕreka chuba mĕngingat susunan dan kĕdudukan bintang2. Pĕrkara itu di-kaitkan pula dĕngan pĕrjalanan mĕreka untok mĕngĕtahui arah dan lĕtak-nya satu2 nĕgĕri atau tĕmpat yang mĕreka tuju itu. Dari sa-masa ka-samasa ‘ilmu ini di-warithi dan di-pĕlajari hingga akhir-nya mĕnjadi satu ‘ilmu yang bĕrguna bagi mĕreka pula.

(ii) ‘ILMU FIRASAT.

Tĕrdapat antara mĕreka orang yang mahir bĕnar dĕngan ‘ilmu ini walau pun ini bĕrdasarkan pĕmĕrhatian yang kuat dan tajam. Mĕreka dapat

ménudoh sama-ada orang yang datang kapada mèreka itu bérniat burok atau baik. Mèreka juga dapat ménéka péribadi sa-saorang itu bérdasarkan béntok tuboh dan anggota-nya.

(iii) 'ILMU QIAFAH (KÉSAN TAPAK KAKI).

Dari késan tapak kaki yang di-pérhatikan denga tajam, mèreka dapat ménéka péribadi tuan punya-nya. Dari tapak kaki juga mèreka dapat ménentukan sama-ada sa-saorang itu bénar2 bérkéturanan bapa-nya atau tidak. Tékaan mèreka dalam hal ini jarang bénar berséliseh dari apa yang sa-bénar-nya. Ini ménunjokkan bahawa pémérhatian mèreka itu sangat tajam.

(iv) PANTUN.

Kita rasa kurang lengkap mémbinchangkan 'ilmu pěngětahuan bangsa Arab sa-lagi tidak mém-pérkatakan satu pérkara pěnting yang térumah dalam 'ilmu pěngětahuan juga, ia-itu pantun. Bér-pantun memang satu këbolehan yang istimewa bagi orang Arab. Pantun ménjadi këgëmaran sa-mula jadi bagi mèreka mungkin oleh pěngaroh këadaan dan kalangan. Pantun juga sa-bagai alat pěnglipor lara di-kala kësunyian. Pantun juga-lah 'ibarat buku sëjarah mèreka yang di-dalam-nya mèreka chatetkan chara hidup mèreka dari sa-masa ka-samasa.

Kémajuan dalam hal ini bértambah lagi pěsat-nya apabila di-adakan pěrtandingan. Pada tiap2 tahun mèreka adakan pasar sukaria. Di-situ-lah tukang2 pantun akan ménunjokkan këbolehan masing2, saperti mana yang bérilaku di-Pasar 'Ukaz, Zil-Majaz dan lain2 témpat lagi. Pantun2 yang bérjaya béroleh pěnhormatan. Pantun itu di-salin, kémudian di-gantong di-Ka'bah dan térkenal denga

nama "Mu'allaqat." Antara pěnya'er2 jahiliah yang pěrnah di-sanjungi këbolehan-nya dalam bidang ini ia-lah Umru-ul-Qais, Zuhair bin Abi Salma dan Omar bin Kulthum.

SOALAN2:

1. Apa-kah zaman jahiliah itu dan apa-kah maksud pérkataan "jahiliah" itu?
2. Chuba chéritakan denga rengkas apa yang kamu tahu bér-kénaan pérkara2 di-bawah ini:
 - (a) Pérgeulan bangsa Arab zaman jahiliah.
 - (b) Képérchaayan bangsa Arab zaman jahiliah.
 - (c) Ekonomi bangsa Arab zaman jahiliah.
 - (d) 'Ilmu pěngětahuan bangsa Arab zaman jahiliah.
3. Apa-kah sëbab-nya orang Arab zaman jahiliah měnghinakan anak pérémpuan mèreka dan ada-kah sëmua orang2 Arab itu bér-sifat dëmikian?
4. Apa-kah pěnting-nya pérchantuman suku2 Arab itu? Bagai-mana-kah chara pérchantuman itu di-lakukan?
5. Bagaimana-kah mérésap-nya ugama Yahudi dan Nasrani kapada orang2 Arab zaman jahiliah?
6. Antara banyak ugama di-Séménanjong Tanah Arab zaman jahiliah itu ugama apa-kah yang banyak sa-kali pěngikut-nya? Měngapa?
7. Térangkan sikap orang2 Arab zaman jahiliah térhadap bérhala.
8. Orang2 Arab Badwi térbedza daripada Arab Pëkan téntang sumbar pérékonomian. Chuba térangkan pérbedzaan itu.
9. Térangkan denga rengkas chara hidup orang2 Arab Badwi.
10. Bagaimana-kah chara orang2 Arab zaman jahiliah bérniaga dan ka-mana-kah mèreka pérgi bérniaga?
11. Měngapa-kah qafilah2 dagangan di-padang pasir itu sëntiasa ta' bagitu térjamin këamanan-nya?
12. Měngapa-kah 'ilmu bintang itu pěnting bagi orang2 Arab?
13. Apa-kah péranan pantun di-samping masharakat Arab zaman jahiliah?
14. Apa-kah érti "Mu'allaqat"?

Kesan Islam Dalam Kebudayaan Arab

Islam bérjaya měmbuat pěr ubahan běsar dalam kěbuda yan Arab hingga sěkarang sukar pula hěndak di-kětahui yang mana kěbuda yan Arab dan yang mana kebuda yan Islam. ‘Umum-nya di-fahami sěkarang bahawa kěbuda yan Islam itu-lah kěbuda yan Arab. Tětapi tidak-lah lojik pula kalau di-katakan bahawa kěbuda yan Arab itu kěbuda yan Islam; sěbab bukan semua kěbuda yan bangsa Arab itu di-térima oleh Islam. Dahulu daripda ini kita tělah té rangkan děngan rengkas kěbuda yan Arab. Sěkarang biar-lah kita tinjau pula sa-jauh mana-kah Islam měmainkan pěranan-nya dalam kěbuda yan Arab itu.

(i) PĚRGAULAN.

Dalam bidang pěrgaulan, Islam bérjaya měmbuat pěr ubahan yang běsar dalam masa yang singkat sahaja. Islam menyusun pěrgaulan baru yang té rator. Sěgala umat Arab yang běrselerak itu di-satukan di-bawah satu persatuan — Islam. Sějak itu bangsa Arab tundok di-bawah hanya sa-orang kětua ia-itu Nabi Muhammad. Islam měně tapkan kewajipan dan tugas lělaki dalam kěluarga-nya dan měně tapkan hak2 wanita dan pěranan-nya dalam masharakat-nya. Kémudian Islam měngharamkan sěgala ‘amalan dan pěkérjaan yang měmbawa kapada kěrobohan budi pěkerti dan kě runtohan masharakat; saperti minum arak, bérjudi, bérzina dan lain2 pěrkara lagi. Kémudian Islam měmpěrbaiki mu‘amalah dan měngharamkan riba.

(ii) POLITIK.

Dari sěgi politik pula Islam měmbuat banyak pěr ubahan yang běsar. Antara-nya:

- (a) Timbul sa-buah něgara baru di-bawah pim-pinan sa-orang kětua ia-itu Nabi Muhammad sěndiri. Sěgala suku2 Arab yang běrselerak rabak itu di-satukan di-bawah ikatan Islam. Masharakat Arab yang sějak dahulu-nya té rkenal děngan kasar tabi‘at dan biadab sudah běrubah měnjadi satu bangsa yang gagah hingga sanggup měngoyak dua empaya (kěra-jaan) běsar ia-itu Rome dan Farsi.
- (b) Měmbimb ing měreka kapada měngěnal tamaddun dunia sa-tělah běběrpa lama hidup ‘ibarat katak di-bawah témpurong.
- (c) Měngěmbalikan hak milek Arab yang sa-tělah běběrpa lama měnjadi wilayah ta’alokan Rome dan Farsi.

(iii) EKONOMI.

Islam bérjaya menyusun chara pěrekonomian yang lěbeh baik měnyěbabkan taraf hidup měreka lěbeh tinggi. Pěrhubongan luar lěbeh luas dan jauh. Tidak-lah té rhad dalam něgéri Arab sahaja. Děngan térbuka-nya něgara2 baru itu térbuka-lah juga jalan pěrhubongan děngan něgéri2 lain děngan luas-nya. Bahan2 pěrdagangan běrtambah banyak. Bangsa Arab pun běransor2 di-kěnali oleh dunia. Alat2 pěrdagangan juga tělah měněrima pěr ubahan tidak-lah hanya děngan chara běrqafilah sahaja. Měreka mulaï bijak dalam hal pělayaran di-laut. Islam měngajar měreka měnuntut rězeki yang bérseh děngan měnggunakan těnaga sěndiri dan měngharamkan měmakan harta punya orang děngan jalan dzalim saperti měrampas, měnyamun dan sa-bagai-nya.

(iv) ‘ILMU PĚNGĚTAHUAUAN.

Sikap Islam yang měnghormati ‘ilmu pěngětahuauan dan měnggalakkan měnuntut-nya itu měnyěbabkan lahir pula běrbagai2 jenis ‘ilmu pěngětahuauan yang běrguna

kapada bangsa Arab. Ségala ‘ilmu pēngētahuan mēreka yang asal itu di-pērbaiki dan di-pērluaskan lagi hingga mēnjadi ‘ilmu pēngētahuan yang lengkap. Islam mēmupok fikiran mēreka supaya tahu mēnghargai ‘ilmu pēngētahuan yang sehat dan mēngharamkan ségala ‘ilmu pēngētahuan yang mēnēntang dasar kēpērchayaan Islam; saperti ‘ilmu pēngētahuan yang bērdasarkan takhayyul sa-mata2, chachi2an dan bērmēgah2 dēngan suku yang mana ini ada-lah tērdapat dalam isi dan tujuan pantun mēreka. Islam tēlah bērjaya mēmpērsēmbahkan bērbagai2 jēnis ‘ilmu pēngētahuan baru yang kēmudian-nya mēndorong bangsa Arab itu mēnjadi satu bangsa yang kaya dēngan ‘ilmu pēngētahuan sama ada ‘ilmu pēngetahuan dunia atau akhirat.

SOALAN2:

1. Apa-kah kēsan Islam tērhadap pērgaulan orang2 Arab?
2. Tērangkan kēsan Islam dalam chara pērekonomian orang2 Arab.
3. Tērangkan sikap Islam tērhadap ‘ilmu pēngētahuan orang2 Arab.
4. ‘Ilmu pēngētahuan yang macham mana-kah yang di-tēntangi oleh Islam?

Islam Dan ‘Ilmu Pēngētahuan-nya

Mēmpērkatakan ‘ilmu pēngētahuan Islam, kita pusatkan bahathan kita di-sēkitar kata2 yang bērbunyi: “Al-Qurān sumbar ‘ilmu pēngētahuan Islam”.

Al-Quran bukan sahaja kitab suchi yang di-pērolehi pahala hanya sa-mata2 mēmbacha-nya dēngan pēnoh khusho’, tētapi ada-lah juga kitab **undang2** dan kitab **pēngajaran** yang mēnyumbangkan bērbagai2 jēnis ‘ilmu pēngētahuan yang bērharga. Siapa-kah yang mudah mahu mēngaku akan kēbēnaran kata2 ini sa-lagi ia ta’ bētul2 mēngerti dan faham isi Al-Qurān? Lēbeh dari itu yang dahshat-nya, ia-lah ada-nya gulongan manusia yang mēngaku diri-nya Islam bērani mēmbuat tudohan mēngatakan bahawa Al-Qurān itu hasil dongengan Badwi Kunu di-padang pasir yang kēmudian-nya di-pērsēmbahkan oleh Muhammad sebagai undang2 Islam. Buat mēreka yang mēngētahui yang sa-bēnar-nya apa-kah hakikat Al-Qurān itu tēntulah ta’ mudah bagi-nya mēlemparkan tudohan yang mēluru itu.

Ada bērbagai2 jēnis ‘ilmu pēngētahuan yang di-sumbangkan oleh Al-Qurān sama ada ‘ilmu pēngētahuan dunia atau akhirat. Orang2 yang tajam fikiran dan kuat fahaman-nya dapat mēnchiptakan bērbagai2 jēnis ‘ilmu pēngētahuan bērpandukan Al-Qurān, s a p e r t i ‘ilmu sējarah, ‘ilmu bumi, ekonomi, kēmasharakatan, kētata-négaraan, falsafah dan lain2 lagi. Tētapi kurang bēnar orang yang boleh mēngaku kēbēnaran ini. Konon-nya ségala jēnis ‘ilmu pēngētahuan itu ada-lah hasil pēmērasan ‘akal fikiran manusia intelek bēlaka. Untuk bukti bahawa Al-Qurān sumbar ‘ilmu pēngētahuan Islam, chuba ikuti chontoh2 bērikut:—

SĚJARAH.

Satu jenis ‘ilmu yang měmpěrkatakan hal kěhidupan manusia di-masa lampau. Pěrkara2 yang běrlaku di-zaman yang lampau dapat měnjadi chérmin pěrbandingan hidup bagi manusia yang kěmudian. Dalam Al-Qurān těrdapat chérita2 měngěnaï manusia di-zaman yang silam. Chérita manusia sějak manusia pěrtama ia-itu Adam hingga manusia yang kěmudian-nya itu sěmua di-datangkan untok měnjadi chontoh dan pěrbandingan hidup manusia di-zaman sěkarang. Al-Qurān měngajar manusia měmpělajari sějarah, bukan hanya untok měměnohi masa kosong sahaja, tětapi untok měngambil pěngajaran atas apa2 yang běrlaku kapada manusia yang dahulu. Itu-lah antara tujuan Islam měngajar manusia měngěnal sějarah. Kěmudian-nya manusia pun měngikut jějak langkah Al-Qurān děngan měngumpul běrbagi2 bahan sějarah dan di-pělajari dari sa-masa ka-samasa.

‘ILMU KĚMASHARAKATAN.

‘Ilmu bagi měmpělajari pěrgaulan hidup manusia. Al-Qurān měnganjorkan susunan pěrgaulan hidup yang sěmpurna. Memang sifat sa-mula jadi manusia itu suka běrgaul. Langkah pěrtama sa-kali ia-lah měnghěndaki těman hidup. Hasil dari itu lahir-lah pula satu kěluarga kěchil yang kěmudian-nya akan měnjadi satu kěluarga yang běsar pula. Bagitu-lah pěrubahan pěrgaulan hidup manusia hingga akhir-nya ka-pěringkat suku dan bangsa. Untok kětěnteraman hidup běrmasharakat maka měreka pěrлу kapada undang2 hidup. Měngěnaï ini Al-Qurān měnentukan hak2 dan tanggong jawab masing2 dalam hidup pěrkeluargaan itu. Tětapi oleh sěbab maseh banyak lagi manusia yang ta’ sědarkan tanggong jawab-nya, maka itu-lah sěbab-nya maseh běrlaku banyak kěpinchangan hidup dalam masharakat itu.

KĚTATANĚGARAAN

Běrdasarkan demokrasi. Ini jelas di-těrangkan oleh Al-Qurān dan di-pěrkuatkan oleh Rasulullah dalam hadith-nya. Dalam Al-Qurān ada ayat yang běrerti, “Dan urusan měreka itu ada-lah těrsěrah kapada pěrměshuaratan antara měreka.” Antara chontoh2 demokrasi dalam chorak pěměrentahan yang di-laksanakan oleh Rasulullah ia-itu wafat-nya běliau děngan tidak měnentukan siapa bakal khalifah yang akan měngěndalikan pěměrentahan Islam.

Al-Qurān měnganjorkan pěměrentahan yang ‘adil dan di-shari’atkan pula undang2 pěměrentahan těrmasok-lah undang2 mu’amalah, hal2 yang běrhubong děngan kěbajikan masharakat, hal2 yang měngěnaï jana-yah, pěrhubongan dan layanan orang2 Islam děngan orang2 yang bukan Islam.

MORAL.

Pěndidekan moral ada-lah pěnting di-samping ugama, malah ugama dan moral měmbawa manusia kapada matalamat hidup yang sama. Kědua2 měnyěru kapada kěbaikan bělaka walau pun chara-nya běrlainan. Hidup manusia yang ta’ běrmoral itu ta’ jauh bedza-nya daripada hidup binatang. Sěgala jenis undang2 yang dibuat ta’ akan di-hormati oleh manusia yang ta’ běrmoral. Sa-lagi manusia itu běrkěadaan bagini, maka sukar-lah těrchipta masharakat bahagia. Itu-lah sěbab Islam měmandang bahawa pěndidekan moral itu ada-lah pěnting untok měnchipta masharakat bahagia.

FALSAFAH.

Falsafah (*Philosophy*) ěrti-nya hikmat. Ahli falsafah (*Philosopher*) ia-iah orang yang chintakan hikmat. Ahli falsafah ia-lah manusia yang měnchari dan měnyělidek hakikat sa-suatu itu děngan kěkuatan fikiran yang waras. Hasil yang di-pěrolehi dari pěměrasan fikiran-

nya itu ta' mesti tundok di-bawah sa-barang ujian untuk membuktikan kēbēnaran-nya, kérana falsafah ada-lah fikiran bebas. Dalam Al-Qurān terdapat beberapa ayat yang bertujuan menyelu manusia supaya menyelideki dan membongkari rahsia kējadian 'alam dengan menggunakan 'akal fikiran yang sehat supaya sampai kepada pénentuan akan wujud-nya Yang Maha Kuasa yang menjadikan 'alam ini. Di-dalam tabi'at samula-jadi bagi satu2 kējadian itu ada mengandungi pengajaran2 yang bërguna kepada manusia. Dengan berpandukan rahsia2 yang terdapat dalam kējadian2 yang di-jadikan oleh Tuhan itu, manusia akan dapat bërbagai2 pengétahuan baru yang bërguna dalam hidup-nya. Itulah sëbab-nya manusia yang maju menggunakan fikiran itu maju pula di-'alam rekaan.

SOALAN2:

1. Sa-jauh mana-kah dapat kamu buktikan kēbēnaran da'waan yang mengatakan bahawa Al-Qurān itu sumbar 'ilmu pengétahuan Islam ?
2. Apa-kah matalamat Islam mengajar manusia 'ilmu sejarah ?
3. Sa-jauh mana-kah dapat Al-Qurān mengatas 'ilmu sejarah yang di-chiptakan oleh manusia ini ?
4. Kalau-lah Islam mënda'wa bahawa dalam Al-Qurān ada undang2 përgaulan hidup tétapi mengapa-kah umat Islam hari ini maseh lagi kuchar-kachir dalam përgaulan hidup-nya? Apakah undang2 itu ta' sesuai dengan keadaan dan masa ?
5. Térangkan chorak dasar pémérentahan Islam. Dari mana difaham bahawa Islam mënganjorkan demokrasi dalam pémérentahan ?
6. Mengapa-kah pëndidekan moral itu penting untuk pélaksanaan undang2 hidup manusia ?
7. Apa-kah tujuan Al-Qurān menyuroh manusia menyelideki hakikat kējadian sa-suatu itu ?

Pérkembangan Kebudayaan Islam

Islam yang pertama kali-nya lahir di-kalangan masharakat Arab yang biadab itu bërjaya dari sa-masa ka-samasa menyusun chara hidup yang sempurna sa-hingga dapat memperkenalkan bangsa Arab yang sa-lama ini terkurong di-padang pasir kepada dunia. Kémudian-nya mereka di-kenal lagi sa-bagai satu bangsa yang mempunyai nilai tamaddun yang tinggi.

Zaman Kérajaan Khulafa-ar-Rashidin bermula-lah zaman pérkembangan Islam dengan chara besar2an. Kebudayaan Islam bérkembang mengikuti pembukaan negara2 baru. Hingga ka-zaman Kérajaan Bani Umayyah dan kémudian-nya, tèrbina-lah pusat2 pengajian Islam dari sa-réndah2-nya hingga sa-tinggi2-nya. Di-mérata negara2 ta'alokan Islam di-dirikan sëkolah2 dengan banyak-nya. Di-zaman Rasulullah kalau pun ta' didengari wujud-nya sëkolah2 dengan chara yang lëbeh lengkap sa-bagai sumbar pérkembangan kebudayaan Islam, tétapi bëliau memang sedarkan hal itu semua. Mungkin sa-kali di-katakan bahawa zaman bëliau itu zaman pembétulan 'aqidah. Sëbab itu kurang-lah kësempatan bëliau untuk mélaksanakan pérangan Islam dari ségi 'amal. Walau macham mana pun ta' siapa yang boleh nafikan bahawa bëliau-lah yang pertama kali-nya méletakkan asas pérkembangan-nya. Ayat yang pertama kali-nya turun kapada bëliau ia-lah ménérangkan bëtapa penting-nya mempelajari 'ilmu pengétahuan. Kémudian bëliau di-séru supaya bertindak serta merta. Tulis dan bacha ada-lah puncha mënchapai 'ilmu pengétahuan.

Dalam Pëpérangan Badar T.M. 624 ia-itu sa-baik2 sëlesai-nya sahaja, bëliau pun télah membuktikan sén-

diri sa-chara amalan, manakala para tawanan mushrikin Makkah yang berpengalaman dalam hal tulis ménulis di-benarkan ménébus diri dengan menyumbangkan pengertahan mereka mengajar kanak2 Ansar di-Madinah. Salain dari itu dalam Hadith béliau banyak terdapat séruan supaya mempelajari 'Imu pengertahanan.

Ta' lama sa-telah wafat béliau, maka ajaran2 yang diajari oleh-nya itu pun di-amali. Bérikutan dengan pembukaan negara2 baru yang bérلaku dengan pesat dalam zaman pémérentahan Kérajaan Bani Umayyah itu tertegak-lah beberapa buah perguruan tinggi Islam di-mérata negeri dalam empaya Islam saperti di-Damshik, Mosul, Bukhara, Toledo, Cordova dan kémudian-nya di-Kaherah dalam zaman pémérentahan Kérajaan Fatimi di-Mésir. Memang bukan dari perkara pélek kalau dikatakan bahawa tiap2 negara Islam sekarang ada mempunyai sekolah2 tinggi Islam masing2. Chuma yang mungkin menjadi tanda tanya lagi ia-lah besar atau kecil-nya sahaja.

Untuk menyimpulkan bichara kita, maka kita katakan bahawa perkembangan kēbudayaan Islam bermula dari T.M. 623. Dalam masa yang tidak pun sampai satengah kurun ia berkembang ka-utara mélalui Sham dan sampai pula ka-Pelastin T.M. 640. Sa-rentak dengan tarikh itu juga ia berkembang ka-timor mélalui negeri Farsi dan sampai pula ka-India pada awal kurun kedelapan. Pada T.M. 641 berkembang pula ka-barat mélalui negeri Mésir. Di-awal abad kedelapan sampai pula ka-Spain kémudian ka-France. Walau pun Islam ta' berjaya ménaloki Bénuah Eropah tetapi pengaroh Islam tetap masok ka-Eropah mélalui Spain dan France.

Dalam abad ke-11, 12 dan 13 mula pula mérésap ka-Eropah lagi mélalui angkatan tentera Salib. Dari Arab atau Farsi atau India berkembang pula ka-Timor Jauh ménghinggapi daerah pesisiran pantai Képulauan

Melayu dalam kurun ke-13, 14 dan 15. Hingga-lah sekarang perkembangan-nya tetap bérلaku sa-tingkat dëmi sa-tingkat.

SOALAN 2:

1. Bila-kah bermula-nya perkembangan kēbudayaan Islam itu?
2. Bila-kah Rasulullah pertama kali-nya membuktikan bahawa mempelajari ménulis dan membaca itu sangat dituntut oleh ugama Islam?
3. Bila-kah kebanyakannya pusat pengajian Islam mulai di-dirikan? Sebutkan antara pusat2 pengajian yang mashhor yang kamu tahu.
4. Bagaimana-kah kēbudayaan Islam dapat mérésap masok ke-Bénuah Eropah?

yah T.M. 660—750. Tétapi kējayaan yang pēnōh bērlaku dalam zaman pēmērentahan Kērajaan Bani Abbasiah T.M. 750—1258.

CHARA-NYA.

Zaman pēmērentahan Khalifah Abu Ja'afar Al-Mansor ia-itu khalifah kedua Kērajaan Bani Abbasiah, bērmula-lah gērakan mēngumpul 'ilmu pēngētahuan purba. 'Ilmu pēngētahuan ini di-usahakan dari nēgara2 ta'alokan Islam ia-itu Rome, Farsi dan India. Khalifah Al-Mansor mēmbuat pērhubongan dēngan nēgara2 asing untok mēndapatkan bēbērapa banyak naskhah 'ilmu pēngētahuan purba itu. Hasil2 yang di-dapati di-bawa balek ka-Bagdad lalu di-kaji dan di-tērjēmah oleh pēntērjēmah2 yang bērpēngalaman dalam 'ilmu pēngētahuan yang di-tērjēmah-nya itu. Pēntērjēmah2 di-undang dari mērata nēgéri dan di-bēri sara hihup sa-lama mēlakukan kērja ini. Kēbanyakkan pēntērjēmah tērdiri dari pēnganut2 ugama Kēristian dan ada juga yang bērugama Yahudi. Pēntērjēmah2 yang mēntērjēmah 'ilmu pēngētahuan Gērik tērdiri dari 'ulama2 Jundishapur yang mēnjadi mangsa buruan Justinian dan di-pērlindungi oleh Maharaja Farsi di-Jundishapur itu. Ada juga pēntērjēmah2 yang di-undang dari Mēsir tērdiri dari 'ulama2 pusat pēngajian kēbudayaan Gērik Neo-Platonism di-Iskandariah.

SUMBANGAN DARI FARSI.

Farsi mēmbēri sumbangan dan pēngaroh bēsār dalam kēsastēraan Arab. Orang2 Farsi sēndiri bērusaha untok mēmpērkēnalkan kēbudayaan mēreka kapada orang2 Arab supaya tērus mēnērus hidup bērsampingan. Banyak pērkataan2 Farsi tērdapat dalam kēsastēraan Arab. Banyak 'ilmu pēngētahuan Farsi yang di-tērjēmah ka-bahasa Arab sapērti Sējarah, 'Ilmu Bintang, Kētata-nēgaraan dan ta' kētinggalan juga dongeng2 kunu Farsi. Di-antara pēntērjēmah-nya yang mashhor ia-lah Abdul-

Pēngaroh Asing Dalam Kēbudayaan Islam

Kita tidak mēnafikan tiada ada-nya sa-barang kēsan atau pēngaroh dari luar yang masok mēmainkan pērananya dalam kēbudayaan Islam. Ini tidak-lah mēng-hairrankan kērana champor-baur kēbudayaan itu aliran tabi'e bagi kēmajuan manusia. Kata Ibnu Khaldun pēngasas 'Ilmu Kēmusharakatan, "Manusia itu bērtamaddun mēngikut aliran tabi'e". Tiru mēniru, pin-jam mēminjam itu ada-lah tabi'at manusia mēnchipta tamaddun. Bangsa yang chēpat bērtamaddun ia-lah bangsa yang sēntiasa mēngambil pērhatian bērat mēngē-naï tamaddun bangsa lain kēmudian chuba pula mēm-pērektil-nya.

BILA BĒRMULA-NYA.

Pēngaroh asing mulai masok ka-dalam kēbudayaan Islam sējak bērlaku pēmbukaan nēgara2 baru yang bērlaku sējak dari zaman pēmērentahan Khulafa-ar-Rashidin hingga ka-zaman pēmērentahan Kērajaan Bani Abbasiah. Zaman pēmērentahan Kērajaan Bani Abbasiah ia-lah zaman mēluru-nya masok kēbudayaan luar ka-dalam Islam. Bērikutan dēngan pēmbukaan nēgara2 ta'alokan Rome dan Farsi, orang2 Arab mulai mēnjelajah ka-mērata nēgéri ta'alokan Islam atas urusan pērniagaan dan lain2-nya. Dalam masa bērlaku pērgaulan mēreka dēngan orang2 nēgara ta'alokan Islam itu mēreka mēmpēlajari 'ilmu pēngētahuan dan chara hidup orang2 itu sadikit dēmi sadikit. Di-samping itu dēngan Islam-nya orang2 Farsi, maka bērkēmbang-lah pula 'ilmu pēngētahuan mēreka.

Gērakan mēnhargaï 'ilmu pēngētahuan asing itu mulai sējak zaman pēmērentahan Kērajaan Bani Umai-

lah bin Al-Muqaffa'. Falsafah Gērik dan 'ilmu bintang-nya juga ada di-térjemah dari bahasa Farsi ka-bahasa Arab. Banyak juga ahli2 sastéra Arab yang tērdiri dari bangsa Farsi, saperti Abu Nuwas dan pēnya'er ghazal yang tērkēnal Basshar bin Burd.

SUMBANGAN DARI INDIA.

Pērgaulan orang2 Arab dēngan orang2 India lēbeh luas sējak bērlaku-nya pēmbukaan nēgéri Sind oleh Muhammad bin Qasim T.M. 711. Pada zaman pēmē-rentahan Khalifah Abu Ja'afar Al-Mansor di-utus-lah Hisham bin Omar Ath-Tha'alabi ka-India untok mēndapat naskhah2 'ilmu pēngētahuan India. Dari 'ulama'2 Sind yang mashhor-lah di-pērolehi 'ilmu pēngētahuan India saperti Falsafah, Hikmat, Kēdoktoran, Hisab dan Falak. 'Ilmu Tassauf India ada-lah antara 'ilmu pēngētahuan India yang mēmbēri pēngaroh bēsar dalam 'ilmu tasauf Islam. Buku2 sastéra yang bērnuatkan chērita2 bēnar atau dongeng banyak di-térjemahkan ka-bahasa Arab. Hikayat Kalilah Wadiminah dan Sindbad yang mashhor itu di-térjemahkan ka-Bahasa Arab.

Ada pun kēsan yang nyata bēnar kuat pēngaroh-nya hingga ka-hari ini ia-lah tasauf. Pēndapat2 tēntang pērsēmadian ruh manusia dēngan zat Tuhan ada-lah bērasal dari India. Hidup kasar, rela mēnanggong tēkanan tabi'e, mēnyeksa diri dan bērtapa untok mēnchapai murtabat yang tinggi di-sisi Tuhan ada-lah bērasal dari India bēlaka. Pērkara2 ini mēmainkan pēranan pēnting dalam tasauf Islam hingga ka-hari ini.

SUMBANGAN DARI GĒRIK.

Pēmbukaan Alexander the Great nēgara2 Asia dan Afrika mēmbuka jalan bagi kēmasukan kēbudayaan Gērik ka-timor. Sa-bēlum lahir-nya ugama Islam, sudah wujud bēbērpa pusat pēngajian kēbudayaan Gērik di-Sham dan Pēlastin saperti di-Damshik, Raha dan Haran. Di-Farsi pula tērdapat satu pusat pēngajian yang pēn-

ting di-Jundishapur. Di-Iskandariah Mēsir pula tērdapat pusat pēngajian kēbudayaan Gērik juga ia-itu Neo Platonism. Pusat2 pēngajian tadi bērjalan dēngan jayanya hingga ka-masa pēmbukaan Islam. Antara pēntér-jemah2 yang di-undang oleh Khalifah Al-Mansor itu tērdapat-lah 'ulama'2 dari pusat pēngajian tadi. Kēbanyakan mēreka tērdiri dari pēnganut2 ugama Kēristian dan Yahudi. Kēsan2 sumbangan dari Gērik ini tērnyata dalam bērbagai jēnis 'ilmu pēngētahuan Islam; antara-nya:

FALSAFAH.

Pokok pēbahathan (*Problem*) falsafah Gērik di-pēlajari di-samping falsafah Islam tērutama pokok2 pērbahathaan yang bērhubong dēngan kētuhanan. Jalan mēnētapkan ada-nya Tuhan dēngan dalil 'akal, bēnar-kah manusia itu bērkēmunkinan mēngētahui hakikat sa-suatu yang ada itu, tērmasok juga-lah hal2 yang bērhubong dēngan moral. Ahli2 falsafah Islam tērpēngaroh dēngan chara pēmikiran mēreka. Hasil dari itu lahir-lah bēbērpa orang ahli falsafah Islam yang kēnamaan saperti Al-Farabi, Al-Kindi, Ibnu Sina, Ibnu Rushd dan ta' kētinggalan juga Abu Hamid Al-Ghazali (Imam Ghazali). Sa-lain dari-pada mēmbichara dan mēngkaji pokok2 pērbathaan falsafah Gērik mēreka juga mēnchari jalan pēnyē-suaian antara falsafah ('akal) dan ugama (wahi).

TASAUF.

Pēndapat mēngēnai kēasaan yang tunggal (wahdatul-wujud) datang dari mazhab Neo Platonism di-Mēsir. Fikiran ini juga mērēsap ka-dalam tasauf Islam.


LOJIK.

Lojik mēngambil bahagian pēnting dalam pēbahathan 'Ilmu Kalam. Ka'edah mēngambil kēsim-

pulan bahathan dalam hal kétuhanan yang tidak dapat dalam 'Ilmu Kalam Islam ia-lah mengikut susunan ka'edah lojik Aristotles. Orang yang bertanggong jawab di atas pertama kali kemasukan-nya ini ia-lah Abu Hassan Al-Ash'ari.

SOALAN 2:

1. Bila-kah bermula-nya kemasukan kebudayaan asing dalam kebudayaan Islam?
2. Bila-kah bermula-nya gerakan menghargai 'ilmu pengertahanan asing itu dan bila-kah kejayaan penuh dalam hal ini berlaku?
3. Térangkan dengan lengkap chara kemasukan pengaroh asing dalam kebudayaan Islam.
4. Pengaroh dari mana-kah yang masuk dalam kebudayaan Islam itu?
5. Apa-kah dia sumbangan dari Farsi dan apa pula sumbangan dari India?
6. Ada-kah Gérik juga turut membéri sumbangan kepada kebudayaan Islam? Kalau ada térangkan sumbangan-nya itu.
7. Siapa-kah penterjemah yang mashhor menterjemahkan 'ilmu pengertahanan Farsi itu dan bangsa apa-kah Abu Nuwas?
8. Dari mana-kah asal-nya hikayat Kalilah Wadiminah yang mashhor itu dan dari bahasa apa-kah di-terjemahkan ke-bahasa Arab?
9. Di-mana-kah terdapat pusat pengajian kebudayaan Gerik di-Farsi dan térangkan dengan lengkap sebab2 yang membawa kapada terdiri-nya pusat pengajian itu di-situ?
10. Di-mana-kah terdapat pusat pengajian kebudayaan Gérik di-Mésir? Apa-kah nama mazhab itu?
11. Bangsa apa-kah kebanyakannya penterjemah2 di-zaman Khalifah Al-Mansor itu?
12. Siapa-kah antara ahli2 falsafah Islam yang terkemuka?
13. Siapa-kah yang bertanggong jawab atas kemasukan ka'edah lojik dalam 'Ilmu Kalam Islam dan dari mana-kah lojik itu diambil?



Sumbangan Islam Kapada Tamaddun Dunia

Telah kita pérkatakan sëjak mula-nya mëngënaï ugama Islam, këbudayaan-nya sa-terus-nya pëngaroh2 asing dalam këbudayaan Islam. Sëkarang tiba-lah masa-nya untok kita pérkatakan sérba sadikit mëngënaï sumbangan Islam kapada tamaddun dunia. Agak kaku juga pënyusun hëndak susunkan sérba rengkas mëngënaï hal itu sëmua oleh bëbërapa sëbab. Bagi mëreka yang bërkë-sëmpatan mëngkaji këmudunan (بِلَى) Islam mungkin mërasaï sangsi dan shak atas këtérangan ini; jangan2 pula di-anggap ini agak këtërlaluan. Apa-tah lagi mëreka yang sëdia ta'asub kapada këmudunan barat. Kalau pun ada tërchatet hal2 yang bërhubong dëngan këbudayaan Islam dan tamaddun-nya dalam buku2 sëjarah dunia yang di-tulis oleh pénulis2 barat, tétapi tidak-lah bëtu2 mënëlanjangi këmudunan Islam itu sa-dalam2-nya hingga boleh mënimbulkan kësëdaran pëmbacha-nya akan bëtapa bësar-nya pëngaroh dan sumbangan Islam kapada tamaddun dunia 'am-nya dan tamaddun barat khas-nya. Walau macham mana pun pënyusun hanya chuba mëmpérkatakan apa yang sa-bënar-nya tërchatet dalam buku2 sëjarah Islam dëngan sérba rengkas sahaja.

Kalau sa-lama ini dunia barat bërmëgah2 dëngan sumbangan-nya kapada tamaddun dunia sëjak Zaman Pëmbaharuan lagi maka Islam juga përnah mëmainkan përanan ini tërlébeh awal dari itu, ia-itu këtika dunia barat maseh di-sëlaputi oleh këjahilan. Tétapi memang-lah manusia yang ta' sëdar diri itu, manusia yang ta' muhу mëngakuï këbodohan2 yang télah përnah di-lakukan-nya. Lëbeh dari itu dëngan bërdasarkan këjayaan mëreka dalam lapangan sains, tërgamak pula mëreka më-

lempar tudohah mëngatakan bahawa fikiran orang2 timor yang tèrkongkong di-bawah wahi (ugama) itu ta' boleh mënchiptakan këmudunan, kérana sëgala gëruk langkah mëreka di-awasi oleh ugama. Tétapi lama këlamaan këbënaran akan tèraku juga. Sa-lain dari bangsa2 timor tèrdapat juga ahli2 këtimoran (orientalists) yang jujur dan turut mënghargaï këbudayaan Islam dëngan mëmpérkatakan dalam buku2 mëreka akan këdudokan yang sa-bënar-nya.

Memang tidak akan mënjadi këtërlaluan kalau dikatakan bahawa tidak sadikit 'ilmu pëngëtahuan orang2 Islam yang mërésap ka-Eropah dan tèrdidek di-kalangan para intëlek barat. Këmudian 'ilmu pëngëtahuan itu di-persëmbahkan sa-mula dalam achuan yang baru yang mënchëngangkan orang2 Islam pula.

Sëjarah ada mëngatakan hahawa sa-télah Toledo yang télah përnah mënjadi pusat pëngajian këbudayaan Islam jatoh ka-tangan Këristian pada Tahun Masehi 1085, di-dirikan-lah akademi tërijmah mëntërijmah. Sëjak dari itu mënyërbu-lah pélajar2 dari Eropah mëmpélajari pusaka Islam di-situ. Antara pëntërijmah2 yang mashhor ia-lah Micheal Scott, Robert of Chester dan Adelard of Bath. Micheal Scott mëntërijmahkan buku2 Ibnu Sina dan Ibnu Rushd — dua orang tokoh falsafah Islam yang tèrkënal. Dalam Tahun Masehi 1145 Robert of Chester mëntërijmahkan buku Algebra këpunyaan Muhammad bin Musa yang bërnama "Al-Jibr Wal-Muqabalah". Dalam Tahun Masehi 1126 Adelard of Bath mëntërijmahkan 'Ilmu Falak orang2 Arab. Hingga kapada akhir kurun këtiga bëlas, Eropah siap mëngumpul pusaka Arab.

Sama-ada di-akuï atau tidak, maka sëjarah mëngatakan bahawa Eropah tétap tërhutang budi yang ta' sadikit kapada Islam. Kalau ta' kérana Ibnu Sina dan Ibnu Rushd, maka orang2 Eropah sukar mëngënali lëbeh rapat siapa itu Socrates, Plato dan Aristotles.

Islam mëmpunyaï bëberapa orang ‘ulama’ yang tèrkemuka dalam bërbagai lapangan ‘ilmu pëngëtahuan. Di-sini kita chuba menyebutkan bëberapa orang tokoh2 yang pënting sahaja dalam bërbagai bidang ‘ilmu pëngëtahuan:

‘ILMU SÉJARAH.

1. IBNU HISHAM (T.M. 834).

Antara orang yang pertama kali-naya mënulis mëngënaï sëjarah. Sëjarah pertama-nya bërupa riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. Këmudian bëliau chuba mëngumpul sëjarah Arab zaman jahiliah dan tèrus pula mëmpérkatakan hal2 yang mëngënaï kërajaan Islam hingga ka-zaman Kërajaan Bani Umayyah ia-itu kërajaan Islam dalam masa Tahun Masehi 660—750.

2. MUHAMMAD BIN JARIR AT-TABARI (T.M. 838—923).

Orang yang mula2 sa-kali bërpaling daripada mënulis sëjarah Islam kapada mënulis sëjarah dunia. Bëliau chuba mërantau ka-mérata2 négéri untuk mëndapat bahan2 sëjarah.

3. IBNU ISHAK.

Bëliau ada-lah juga pénulis pertama mëngënaï riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. Tétapi oleh kérana naskhah-nya di-katakan télah hilang, maka këbanyakan ahli sëjarah bërpégang kapada chatetan Ibnu Hisham.

4. AHMAD BIN YAHYA AL-BALADHURI (T.M. 890).

Ia-lah ahli sëjarah yang pertama sa-kali mënulis mëngënaï pëmbukaan Islam négara2 baru dalam buku-nya yang mashhor bérnama “Futuh-al-Buldan”. Buku-nya ini pérnah tersalin ka-bahasa Latin.

5. ABU-UL-HASAN ALI AL-MAS‘UDI.

Térkenal pada sisi ahli2 sëjarah barat dëngan gëlaran “*Herodotus of the Arabs*”. Dia-lah antara ahli sëjarah yang tèrkemuka sa-kali. Bëliau-lah yang mula2 mëngubah chorak sëjarah daripada mënulis chara lama itu kapada mënulis chara këtuturan (*dynasty*). Dalam hal ini pula tulisan bëliau itu tidak pula tèrhad pada mëmpérkatakan sëjarah Islam sahaja. Bëliau juga télah mënjalajah ka-mérata négéri untuk mëndapatkan bahan2 tulisan-nya. Ada-lah di-katakan bahawa bëliau télah bërjaya mëngarang sa-banyak 30 buah buku2 sëjarah yang bërnilai.

6. ABDUL RAHMAN BIN KHALDUN (T.M. 1332—1406).

Bëliau ada-lah juga sa-orang daripada ahli sëjarah yang tèrkenal sa-lain daripada sa-orang ahli yang ulong dalam bidang ‘Ilmu Këmusharakatan (*Sociology*). Antara buku chiptaan bëliau yang tèrkemuka sa-kali ia-lah “Muqaddimah” dan tèrkenal dëngan nama “Muqaddimah Ibnu Khaldun”.

‘ILMU ‘ALAM.

Antara yang témashhor dalam ‘ilmu ini ia-lah:

1. IBNU WADIH AL-YA’KUBI (T.M. 891).

Buku-nya yang mashhor dalam ‘ilmu ini ia-lah “Kitab-al-Buldan”. Dalam buku-nya ini ia chuba mëmbinchangkan këadaan muka bumi dari ségi fisikél (*physical*) dan hasil2-nya.

2. AL-ISTAKHRI (T.M. 950).

Bëliau-lah orang yang mula mënggunakan warna warni dalam pëta bagi mënunjokkan daerah2 pëmbukaan Islam dari sa-masa ka-samasa. Chara ini pertama kali-nya di-gunakan këtika mëmpérkatakan mëngënaï négara2 pëmbukaan Islam. Antara buku-

nya yang mashhor dalam 'ilmu ini ia-lah "Masalik-ul Mamalik".

3. AL-BARUNI (T.M. 973—1048).

Dalam buku-nya beliau membicharakan pusingan bumi di atas paku-nya (paku 'alam) dan køjadian musim2. Beliau juga di-katakan ahli sejarah yang pertama mengatakan, bahawa Lembahan Indus itu berasal dari basin laut berdasarkan bukti2 yang jelas dari kajian beliau.

FALSAFAH.

Antara ahli2 falsafah Islam yang mashhor ia-lah:

1. ABU YUSOF YA'KUB BIN ISHAK AL-KINDI (T.M. 873).

Hanya beliau-lah sa-orang ahli falsafah bangsa Arab yang tunggal di-antara ahli2 falsafah Islam yang kénamaan.

2. MUHAMMAD BIN TARKHAN AL-FARABI (T.M. 870—950).

Beliau-lah antara ahli falsafah Islam yang terkemuka sa-kali di-kalangan orang2 barat. Dari barat-lah ia mendapat gelaran "Guru Kedua". (Guru pertama buat mereka ia-lah Aristotles). Di-samping fikiran-nya yang tersendiri, beliau sangat tertarek hati dengan buah fikiran Plato dan Aristotles—dua orang daripada ahli2 falsafah Gérik yang terkemuka. Ada-lah di-katakan bahawa buku-nya yang mashhor ia-itu "As-Siasatul Madaniah" itu berilhamkan buku Plato yang mashhor ia-itu "*The Plato Republic*". Antara keistimewaan beliau berbanding dengan ahli2 falsafah Islam yang lain ia-lah chérgas-nya dalam usaha ménchari penyéuaian antara falsafah dan ugama.

3. ABU HAMID AL-GHAZALI (T.M. 1058—1111).

Lébeh terkenal di-timor dengan sebutan Imam Gha-

zali. Beliau ada-lah pengëtua Universiti Nizamiah di-Baghdad. Pada mula-nya beliau ada-lah salah sa-orang ahli falsafah yang handal. Tétapi sa-telah di-rasañ-nya këbebasan fikiran dalam lapangan falsafah itu dari sa-masa ka-samasa akan mëngancham këdudokkan ugama, maka ia pun mënentang falsafah pula dengan dalil2-nya yang sukar di-patahkan. Hasil dari itu beliau munchul pula sa-bagai pélupor tasauf Islam yang ulong. Beliau-lah yang mula sa-kali mémimpin gérakan mënentang falsafah dalam gélanggang 'alam fikiran Islam sa-hingga beliau pernah di-sifatkan sa-bagai orang yang bértanggong jawab mëmbékuhan fikiran orang2 Islam dalam gélanggang falsafah. Tétapi di-samping itu beliau di-sanjung pula sa-bagai bapa pendidekan moral Islam.

4. IBNU TUFAIL (T.M. 1105—1185).

Orang yang pertama menyéntoh "Theory of Evolution" yang di-béntang-nya sa-chara chérita dalam buku-nya "Hay bin Yaqzan". Hay bin Yaqzan ini ada-lah nama fantasi bagi orang chérita (pélakun) bagi mëmbéntangkan pendapat-nya itu. Di-sini tidak-lah di-maksudkan persamaan pendapat-nya dengan pendapat Charles Darwin kérana tiap2 sa-orang daripada mereka itu walau pun mémusatkan bahathan pada diri sa-saorang manusia, tétapi pér-bicharaan mereka masing2 pada ségi yang bérlainan. Charles Darwin mëmpérkatakan manusia dari ségi asal usul-nya tétapi Ibnu Tufail pula dari ségi manusia dan pengaroh2 di-sakéliling-nya.

PËRUBATAN.

Antara orang2 yang terkemuka dalam 'ilmu ini ia-lah:

1. ABU BAKAR MUHAMMAD BIN ZAKARIA AR-RAZI (T.M. 865—925).

Beliau ada-lah sa-orang kétua pégawai pérubatan

di-rumah sakit Baghdad. Beliau-lah sa-orang ahli pérubatan Islam yang mula sa-kali mendapat sèbab2 penyakit chachar. Pényakit ini pernah di-binchang-kan dalam buku pérubatan-nya. Pëndapat-nya ini di-hubongkan kajian-nya dengan chara yang lèbeh mèn-dalam lagi di-Eropah. Tétapi kalau kita mengikuti sèjarah yang di-tulis oleh ahli2 sèjarah barat tèr-dapat-lah tègasan mengatakan bahawa penyakit ini pèrtama kali-nya di-jumpai oleh sa-orang ahli pér-ubatan barat. Ada pun tentang orang yang mèn-dapati ubat pènchégah penyakit ini memang kita akui ia-itu sa-orang Inggeris yang bérnama Jenner (T.M. 1798). Mungkin juga ini satu pëndapat yang baru dalam usaha pérubatan. Kalau pun sa-bènar-nya bagitu maka tidak akan tèrnafi juga yang Ar-Razi sa-bagai orang yang pèrtama mèngènal penyakit ini.

Beliau tèlah bérjaya mènchipta buku-katan (*encyclo-pedia*) pérubatan sa-banyak 20 jilid di-bèri nama "Al-Hawi". Buku2 ini tèlah pun di-tèrjemahkan ka-bahasa Latin dan tèrhitak di-Venice dalam kurun yang kě-16.

2. IBNU SINA (T.M. 979—1037).

Sa-lain daripada di-kènal sa-bagai sa-orang ahli fal-safah maka beliau juga bijak dalam 'ilmu péruba-tan. Antara buku-nya yang mashhor dalam 'ilmu ini ia-lah "Qanun Fit-Tib". Buku ini ada-lah di-anggap antara buku2 pérubatan yang pènting dikaji di-Eropah hingga ka-kurun kě-16.

3. Az-ZAHRAWI (T.M. 1013).

Beliau-lah ahli pérubatan yang pèrtama kali-nya mèmpérkènalkan chara rawatan penyakit dengan jalan pèmbèlahan. Buku-nya mèngènaï 'ilmu pèm-bèlahan ada-lah di-jadikan tatapan ahli2 pérubatan

dalam masa bèberapa kurun di-Italy dan France. Buku ini tèlah pun di-tèrjemahkan ka-bahasa Latin dan tèrchetak di-Oxford pada T.M. 1778.

'ILMU HISAB.

Antara yang tèrmashhor dalam 'ilmu ini ia-lah: MUHAMMAD BIN MUSA AL-KHAWARIZMI (T.M. 780—850).

Beliau-lah yang mèmpersémbahkan 'Ilmu Algebra. Orang2 barat mèngènal 'ilmu ini dari orang2 Arab.

PÈNJELAJAHAN.

1. AL-HASAN BIN AHMAD BIN JUBAIR (T.M. 1145—1217).

Beliau lèbeh tèrkènal dengan sèbutan Ibnu Jubair. Beliau ada-lah sa-orang ahli pènjelajahan yang mèmbératkan kajian dari sègi 'Ilmu 'Alam sa-lain daripada mèngumpul sèjarah.

2. MUHAMMAD BIN ABDULLAH BIN BATUTAH (T.M. 1304—1377).

Beliau pula lèbeh tèrkènal dengan sèbutan Ibnu Batutah. Beliau ada-lah sa-orang ahli pènjelajahan Islam yang banyak mènyumbangkan bukti2 sèjarah mèngènaï nègara2 yang di-lawati-nya. Nama-nya juga pernah tèrséntoh oleh kita kétika mèmbichara-kan kedatangan ugama Islam ka-'Alam Mèlauy.

SOALAN2:

1. Bila-kah bermula-nya gèrakan mènterjèmh 'Ilmu pengètahuan Arab di-Spain dan apa-kah nama tèmpat itu ?
2. Siapa-kah antara pènterjèmah2 barat yang mashhor di-situ ?
3. Siapa-kah antara ahli2 sèjarah Islam yang mula2 sa-kali bér-paling kapada mènulis sèjarah dunia ?
4. Siapa-kah dia Herodotus of the Arabs ?
Tèrangkan pèrubahans2 yang di-lakukan-nya dalam lapangan 'ilmu sèjarah.

5. Siapa-kah dia ahli sejarah Islam yang mula2 memikirkan chara menggunakan warna warni dalam peta? Untuk apa-kah warna warni itu pertama kali-nya di-lakukan?
6. Siapa-kah di-antara ahli falsafah Islam yang di-kenal dengan gelaran "Guru Kedua"? Siapa pula yang di-maksudkan dengan guru pertama?
7. Apa-kah keistimewaan Al-Farabi bermacam dengan ahli2 falsafah Islam yang lain?
8. Mengapa-kah Imam Ghazali menentang falsafah?
9. Apa-kah itu "Al-Hawi" dan siapa-kah pengarang-nya?
10. Siapa-kah antara ahli perubatan Islam yang mula2 memperkenalkan chara rawatan penyakit dengan pembelahan?
11. Siapa-kah dia pencipta 'ilmu Algebra?
12. Sebab apa-kah orang2 ini terkenal:
 - (a) Muhammad bin Jarir At-Tabari.
 - (b) Abu-al-Hasan Ali Al-Mas'udi.
 - (c) Abdul Rahman bin Khaldun.
 - (d) Al-Baruni.
 - (e) Abu Hamid Al-Ghazali.
 - (f) Abu Bakar Muhammad bin Zakaria Ar-Razi.
 - (g) Az-Zahrawi.
 - (h) Muhammad bin Musa Al-Khawarizmi.
 - (i) Muhammad bin Abdullah bin Batutah.

BAHAGIAN II

Perpechahan Majhab2

Dalam

Séjarah Perundangan Islam

Kējadian 'Ilmu Fiqh

'Ilmu Fiqh ia-lah: 'ilmu undang2 pērgaulan hidup manusia sama manusia. Supaya tidak-lah hidup manusia itu sia2 dēngan tidak ada undang2 pērgaulan-nya maka Tuhan sampaikan undang2 itu mēlalui Rasul-Nya. 'Ilmu Fiqh itu bukan-lah wujud-nya bērsama2 dēngan wujud-nya manusia. Undang2 ini di-shari'atkan oleh Allah sa-telah wujud-nya manusia. Kalau-lah ada orang yang mēnganggapkan ia chiptaan manusia kērana sa-chuchok dēngan tabi'at sa-mula-jadi manusia, maka itu-lah dia bukti yang mēnunjukkan bahawa undang2 Islam itu sēsuai dēngan tabi'at sa-mula-jadi manusia dan tērus dapat mēlayani kēhendak masa.

Manusia memang mēmpunyaï undang2 hidup-nya sēndiri sējak zaman perimitif-nya lagi walau pun tidak sa-lēngkap-nya. Undang2 itu tidak-lah bērtulis malah ia mērupaï 'adat bagi satu2 bangsa manusia itu. Pēranan 'adat di-samping hidup manusia perimitif itu ta' jauh bedza-nya daripada undang2 yang di-buat oleh satu2 masharakat manusia itu. Orang2 yang mēlanggar 'adat di-anggap mēlanggar undang2 pērgaulan atau undang2 hidup.

Tētapi tabi'at hidup manusia memang sēntiasa mēnuju kapada pērubahan dari masa ka-samasa oleh dēsakan suasana dan pengaroh kēadaan yang bērubah2. 'Adat yang ada itu ta' lengkap dalam sēgala sudut kēhidupan. Sēbab itu manusia pērlu kapada undang2 yang lēbeh lengkap dan sēmpurna. Maka tokok tambah pada undang2 yang ada itu pun di-lakukan sa-hingga wujud-lah undang2 chiptaan yang lēbeh luas dan lengkap dari yang lama itu. Tētapi kuat-kuasa undang2 itu ta' dapat bērjalan dēngan sēndiri-nya. Untuk mēlak-

sanakan undang2 ini, tērbēntok-lah pula bēberapa jabatan yang bērtugas mēlaksanakan pērjalanan undang2 itu dēngan kuat-kuasa-nya. Dēngan ini tērbēntok-lah jabatan polis, mata2 gēlap, hakim, mahkamah, pēnjara dan sa-bagai-nya.

Datang-nya Islam ia-lah mēnshari'atkan undang2 hidup yang lēbeh lengkap lagi mēliputi sēgala sudut kēhidupan manusia untuk hidup rukun dan aman. Shari'at ini-lah yang di-namakan "Fiqh Islam" atau "Shari'at Islam".

Ada pun 'Ilmu Fiqh Islam itu dahulu-nya bukan-lah sēdia tēkarang atau tersusun dalam kitab2 saperti mana yang ada sēkarang, tētapi mula tēkarang sējak zaman pēmērentahan Kērajaan Bani Umayyah. Ada-lah di-katakan bahawa Zaid bin Ali bin Husain tēlah mēngarang sa-buah Risalah mēngēnaï 'ilmu ini dan abli2 sējarah pērundangan Islam mēnsifatkan-nya sa-bagai sa-awal2 kitab Fiqh Islam.

SOALAN2:

1. Apa-kah yang di-katakan 'Ilmu Fiqh Islam ?
2. Apa-kah tujuan Allah mēshari'atkan 'Ilmu Fiqh itu ?
3. Chuba tērangkan dēngan rengkas pēranan 'adat di-samping manusia perimitif.
4. Sa-telah mēmaham isi pēlajaran tadi chuba tērangkan tēntang mana-kah tērlētak-nya satu pērbedzaan yang bēsar antara Fiqh Islam dēngan undang2 'adat ?
5. Apa-kah pēnting wujud-nya polis, hakim, pēnjara dan sabagai-nya itu di-samping undang2 'adat ?
6. Bila-kah 'Ilmu Fiqh itu pērtama kali-nya tēkarang dan apa-kah nama risalah yang di-anggap sa-awal2 kitab Fiqh Islam yang tēkarang itu dan siapa pēngarang-nya ?

Tingkatan2 pérundangan Islam

‘Ulama2 sejarah pérundangan Islam membahagikan péroses pérundangan Islam kepada enam tingkatan. Ini adalah berdasarkan perubahan perkembangan undang2 Islam itu dari sa-masa ka-samasa. Biar kita tinjau sapintas lalu tingkatan2 pérundangan itu:

TINGKATAN PERTAMA.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa hidup Rasulullah. Keistimewaan masa ini, ia-itu tidak terdapat perselisihan hukum dalam satu2 mas’alah kérana sumbar pérundangan Islam pada masa itu hanya dua sahaja; ia-itu Al Quran (Kitab) dan Hadith (Sunnah). Lagi pun Rasulullah dengan batang tuboh-nya maseh wujud. Maka apabila berlaku satu2 kejadian yang menghendaki hukum, Rasulullah sendirinya yang menghukumkan kejadian itu. Sebab itu-lah tidak terjadi perselisihan hukum2 pada satu2 kejadian yang berlaku.

TINGKATAN KEDUA.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa Khulafa-ar-Rashidin. Dalam zaman ini berlaku pembukaan negara2 baru. Pergaulan lebih luas dan kejadian2 banyak berlaku. Maka sumbar pérundangan Islam juga bertambah. Sebab itu wujud-lah pula Ijma’ dan Qias (Kias) sebagai sumbar2 chawangan di-samping dua sumbar asasi tadi. Dua sumbar yang baru ini-lah yang memainkan peranan penting mengatasi kejadian2 yang berlaku dengan hukum2 yang dipadankan dari dua sumbar asasi tadi.

Kesimpulan-nya; dalam tingkatan pérundangan ini timbul dua lagi sumbar pérundangan Islam, ia-itu Ijma’

dan Qias. Dua sumbar ini dinamakan “sumbar chawangan” manakala “sumbar asasi” dalam pérundangan Islam ia-lah Al-Qurān dan Hadith Rasulullah sahaja.

TINGKATAN KETIGA.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa antara zaman Khulafa-ar-Rashidin hingga awal kurun kedua Hijrah. Dalam masa ini kedudukan pérundangan Islam menerima perubahan besar ia-itu terbentuknya dua kumpulan.

Satu kumpulan berpegang sa-mata2 dengan Kitab dan Sunnah dalam menghukumkan satu2 kejadian yang berlaku. Kumpulan ini dikenal dengan nama “Ahlul-Hadith”. Kumpulan ini terbentuk di-Hijaz diketuai oleh Malik bin Anas yang terkenal dengan sebutan “Imam Malik”.

Satu kumpulan lagi pula berpegang dengan fikiran di-samping Kitab dan Sunnah. Ini-lah yang dinamakan “Ijtihad”. Kumpulan ini dikenal dengan nama “Ahlur-Ra’yi”. Kumpulan ini terbentuk di-Iraq diketuai oleh Abu Hanifah An-Nu’man bin Thabit yang terkenal dengan sebutan “Imam Hanafi”.

Dalam tingkatan ini mashhor-lah dua mazhab fiqh Islam ia-itu Mazhab Ahlul-Hadith di-Hijaz dan Mazhab Ahlur-Ra’yi di-Iraq.

TINGKATAN KEEMPAT.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa antara awal kurun kedua Hijrah hingga pertengahan kurun keempat Hijrah. Dalam tingkatan ini-lah mun-chulnya imam2 mujtahid yang empat dan terbentuklah empat mazhab Ilmu Fiqh Islam yang mashhor itu. Pelupur2 mazhab fiqh Islam yan empat ini ia-lah:

1. Abu Abdullah Malik bin Anas bin Abi ‘Amir Al-Asbahi. Mazhab-nya terkenal dengan sebutan “Mazhab Maliki”,

2. Abu Hanifah An-Nu'man bin Thabit. Mazhabnya terkenal dengan sebutan "Mazhab Hanafi".
3. Muhammad bin Idris As-Shafi'e. Mazhabnya terkenal dengan sebutan "Mazhab Shafi'e".
4. Abu Abdullah Ahmad bin Hanbal As-Shaibani. Mazhabnya terkenal dengan sebutan "Mazhab Hanbali".

Zaman ini-lah yang di-kenal dengan "Zaman Kēemasan" dalam sejarah pérundangan Islam.

TINGKATAN KĒLIMA.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa antara pertengahan kurun kēempat Hijrah hingga kejatohan Baghdad (Tahun 656 Hijrah). Dalam tingkatan ini ta' munchul lagi imam2 mujtahid yang mashhor. Apabila di-dapati perselisihan dalam hukum2, ditatapkan sahaja pada pendapat2 imam yang empat yang mashhor itu. Zaman ini-lah zaman kēmunduran dalam sejarah pérundangan Islam.

TINGKATAN KĒENAM.

Ia-itu kedudukan pérundangan Islam dalam masa antara kejatohan Baghdad hingga sekarang. Zaman ini di-namakan "Zaman Taqlid". Késelurohan hukum2 ditatapkan kapada pendapat2 imam mazhab yang empat sahaja. Kécherdasan pérundangan dalam zaman ini hanya terletak pada kerja2 mengulas, mengurai dan mengkritik pendapat2 imam mazhab yang empat itu. Dalam zaman ini juga munchol běberapa orang penyokong2 imam mazhab yang empat itu.

SOALAN2:

1. Apakah yang menjadi dasar pemahagian tingkatan2 pérundangan Islam dan běberapa-kah tingkatan pérundangan itu?
2. Apakah yang di-maksudkan dengan Kitab dan Sunnah dalam istilah pérundangan Islam ?

3. Apa sēbab tidak berlaku perselisihan hukum2 bagi satu2 kējadian dalam masa Rasulullah maseh hidup?
4. Apakah dia sumbar asasi dan apa pula sumbar chawangan dalam pérundangan Islam?
5. Terangkan perbedaan antara Mazhab Ahlur-Ra'y dan Ahlul Hadith di-sekitar memperkenalkan undang2 Islam. Siapa-kah ketua2 bagi tiap2 mazhab itu?
6. Siapa-kah imam2 mujtahid yang mempelupori mazhab Fiqh Islam yang empat itu?
7. Bila-kah Zaman Kēemasan bagi sejarah pérundangan Islam? Terangkan keistimewaan zaman ini.
8. Apakah keistimewaan Zaman Taqlid dalam sejarah pérundangan Islam?

Perpelahan Mazhab Dalam Perundangan Islam Dan Perkembangannya

MAZHAB.

Mazhab erti-nya aliran yang di-laluï atau jalan yang di-ikuti dalam chara mengistinbatkan (mengambil keluár hukum) hukum2 Islam. Kemudian aliran atau jalan-nya itu di-ikuti oleh běberapa banyak pengikut2 dari gulongan orang2 Islam dari masa ka-samasa.

FIQH ISLAM.

'Ilmu Fiqh Islam mengikut pengertian dalam sejarah pérundungan Islam ia-lah ka'edah2 atau undang2 yang di-shari'atkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi měmpérbaiki pérhubongan antara manusia sama manusia. Dengan ini ia tērbedza daripada 'Ilmu Kalam, kérana 'Ilmu Kalam ada-lah di-shari'atkat untok měmpérbaiki pérhubongan antara manusia dengan Tuhan-nya.

ASAS PÉRUNDANGAN ISLAM.

Ia-lah ka'edah2 'am yang terdapat dalam Kitab dan Sunnah. Ka'edah2 itu di-télti dan di-fahami maksudnya. Kemudian dari situ-lah di-istinbatkan hukum2 bagi satu2 kějadian itu. Dari ka'edah2 'am ini-lah di-istinbatkan běrbagai2 hukum yang tidak terdapat hukuman-nya yang tērang daripada Kitab atau Sunnah.

SUMBAR2 PÉRUNDANGAN ISLAM.

Hukum2 Islam tērbit dari empat sumbar. Dua sumbar asasi ia-itu Kitab dan Sunnah, mana-kala yang dua lagi ia-itu Ijma' dan Qias ia-lah sumbar chawangan. Ada pun sumbar chawangan memang banyak. Tētapi

[45]

ta' sa-pakat 'ulama' tentang mengakuï sah-nya. Sa-tengah 'ulama'2 mengakuï sah-nya, tētapi sa-tengah 'ulama' pula ménolak-nya. Walau macham mana pun sumbar2 chawangan itu ada-lah tērbina di atas sumbar2 asasi juga. Apa yang di-katakan oleh sumbar2 chawangan itu ada-lah apa2 yang di-faham dari 'umum-nya sumbar asasi tadi. Sēbab itu pérkaitan antara kedua-nya ada-lah rapat sa-kali. Untok pengertian rengkas biar kita ikuti běberapa chontoh bagi tiap2 sumbar itu.

1. Kitab.

Firman Allah s. w. :

وَيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ كُتُبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ — الآية ١٧

Dari ayat di atas di-istinbatkan hukum bahawa běrpuasa ada-lah hukum-nya wajib.

2. Sunnah.

Ia-itu pérkataan, pérbuatan dan akuan Rasulullah s. a. w. yang mengandungi hukum. Dari pérbuatan, pérkataan dan akuan-nya itu-lah di-istinbatkan hukum.

(i) Mithal pérkataan-nya:

«الْبَيْنَةُ عَلَى مَنِ ادْعَى وَالْيَمْنَى عَلَى مَنْ أَنْكَرَ»

Di-fahami bahawa orang yang běrda'awa dalam satu2 pérbicharaan itu wajib běrsumpah untok bukti kěběnarannya waan-nya apabila ta' ada saksi lain, mana-kala orang yang ingkar pun wajib běrsumpah. Ini juga di-lakukan apa-bila tidak terdapat saksi2 yang lain.

(ii) Mithal pérbuatan-nya:

Ia-itu saperti kělakuan ata upérbuatan-nya menggadai baju besi kapada orang Yahudi untok běberapa gantang makanan bagi kěluarga-nya. Di-istinbatkan hukum harus mělakukan gadaian dan harus bermu'amalah dengan ahli kitab.

[44]

(iii) Mithal akuan-nya:

Ia-itu diam-nya sa-mata2 kétika běrlaku satu2 kějadian yang sa-patut-nya měnghendaki hukum; saperti diam-nya kétika sa-orang sahabat ia-itu Abdul Rahman bin 'Auf měmakan dzab (sa-jenis binatang sa-akan2 biawak pasir) di-hadapan-nya. Daripada kělakuan itu di-istinbatkan hukum harus ia-itu harus měmakan binatang itu.

3. **Ijma‘.**

Ia-itu sa-pakat kata 'ulama' Islam di-suatu masa těntang hukum bagi satu2 kějadian yang tidak těrang hukum-nya dari dalil nas (Qurän dan Hadith). Mithal-nya: saperti sa-pakat kata měreka těntang sah-nya mělakukan "Jual Salam" běrdasarkan Sunnah Rasulullah s.a.w.

4. **Qias.**

Di-qiaskan (di-bandingkan) satu kějadian baru děngan satu kějadian yang tělah ada hukum-nya kěrana těrdapat pěrsamaan sěbab pada-nya. Maka hukum bagi kějadian yang kedua itu sama-lah děngan hukum kějadian yang pěrtama yang tělah ada hukum-nya itu.

Mithal-nya:

- Di-qiaskan sěgala jenis minuman yang chayer yang měmabokkan děngan arak oleh pěrsamaan sěbab-nya.
- Di-qiaskan sa-barang kěrja yang mělalaikan daripada sěmbahyang Juma‘at děngan běrjual běli ketika azan běrgěma oleh pěrsamaan sěbab-nya.

Walau pun Qias itu těrlētak pada měrtabat yang akhir, tětapi pěranan-nya ada-lah běsar dalam

ěrti-kata měngatasi sěgala kějadian děngan hukum2. Kěrana banyak kějadian2 yang běrlaku dalam zaman yang akhir ini, tětapi ta’ ada dalil2 yang těrang dari nas untok měnentukan hukum-nya. Sěbab itu Qias ada-lah satu2-nya sumbar pěrundangan Islam yang pěnting sa-kali buat di-zaman yang akhir ini.

SOALAN2:

1. Apa-kah ěrti mazhab ?
2. Apa-kah ěrti Fiqh Islam měngikut istilah 'ilmu pěrundangan Islam ?
3. Těrangkan pěrbedzaan antara 'Ilmu Fiqh děngan 'Ilmu Kalam.
4. Apa-kah ěrti Ijma‘ dan apa pula ěrti Qias ?
5. Chuba běrikan satu chontoh bagaimana chara měngistinbatkan hukum děngan chara qias .
6. Měngapa-kah Qias sangat pěnting untok měngistinbatkan hukum2 Islam pada hal měrtabat-nya ada-lah těrkěmudian dari sumbar yang tiga lagi itu ?

Pertumbuhan Dan Perkembangan Ma'hadz Fiqh Islam

KEMUSKILAN.

Memang ada tuduhan yang mengatakan bahawa sa-kira-nya sumbar asasi pérundangan Islam itu Al-Qurân dan Hadith maka mengapa-kah běrlaku pérslisehan hukum2 bagi satu2 kějadian yang běrlaku itu? Inilah bukti-nya kelonggaran dan kělémahan undang2 Islam itu.

Buat měnjawab-nya kita katakan bahawa pérslisehan 'ulama' Islam těntang měngeluarkan hukum itu bukan-lah pérslisehan pada dasar-nya, tětapi pada soal2 ranting-nya sahaja. Mereka tidak bersliseh těntang měngakui Kitab dan Sunnah sa-bagai sumbar pérundangan Islam, tětapi yang měnimbulkan titek pérslisehan itu ia-lah 'umum-nya fahaman nas2 itu měnyebabkan timbul fahaman yang běrlainan sa-tělah di-chubaï měmahami-nya dengan běrsunggoh2 běrdasarkan 'ilmu pengětahuan yang sah. Hukum2 bagi satu2 kějadian itu ada-lah tětap těrdesar di atas sumbar asasi itu juga. Ada pun hukum2 yang tidak běrdasarkan sumbar asasi itu memang-lah di-tolak sama sa-kali.

SĚBAB2 PĚRSĚLISEHAN.

Ada pun sěbab2 yang měmbawa kapada běrlaku-nya pérslisehan dalam hukum2 Fiqh Islam itu, kěmbali kapada běberapa puncha. Kita chuba těrangkan di-sini tiga sahaja sa-bagai chontoh:

1. Pérslisehan di-sěkitar měmahami sa-těngah2 pengěrtian (maksud) istilah bahasa pada nas2 yang měngandongi hukum.

Mithal-nya: Pérslisehan měreka těntang mak-sud pérkataan (قرآن) dalam firman-Nya:

«وَالْمُطَّلِقَاتُ يَتَرَبَّصُنَ بِأَنْزَلِنَا قُرْآنٌ نَّلَذَّةٌ قُرْآنٌ»

Abu Hanifah měmahami bahawa maksud pérkataan "quruk" itu ia-lah haidz, manakala Muhamad bin Idris As-Shafi'e pula měmahami-nya dengan maksud suchi (suchi daripada haidz). Hasil dari ini maka těrbit-lah hukum yang běrlainan pula. Abu Hanifah běrpěndapat bahawa sa-orang pérempuan yang di-cheraikan oleh suami-nya itu di-larang běrkahwin dengan suami lain sa-hingga lěpas tempohan masa sa-lama tiga kali haidz. Muhammad bin Idris As-Shafi'e pula běrpěndapat yang ia di-larang běrkahwin sa-hingga lěpas tempohan masa tiga kali shuchi.

2. Pérslisehan di-sěkitar měnilai fatwa sahabat2 Rasulullah.

Imam2 yang mujtahid bersliseh di-sěkitar měnilai-kan fatwa2 yang těrbina dari hasil ijtihad sahabat2. Sa-těngah2 imam pula běrpěgang těgoh dengan fatwa2 sahabat běrdasarkan pérampingan hidup měreka dan pérhubongan měreka yang rapat dengan Rasulullah. Imam Malik bin Anas ada-lah sa-orang yang těrkanan dalam hal ini.

Tětapi sa-těngah imam2 mujtahid měndahulu-kan fatwa měreka daripada ijtihad sahabat2 běrdasarkan bahawa hukum2 yang těrbit dari ijtihad sahabat2 itu ada-lah těrbit-nya dari ijtihad manusia yang bukan ma'som. Sěbab itu-lah měreka bebas sama-ada hěndak měmileh fatwa sahabat atau ijtihad sěndiri. Dari pérslisehan ini-lah yang měmbawa kapada pérslisehan hukum bagi satu2 kějadian itu. Orang yang těrkanan dalam lapangan ijtihad pula ia-lah Imam Abu Hanifah.

3. Ijtihad.

Sa-bagaimana di-ketahui bahawa ijтиhad adalah satu daripada sumbar pérundangan këmudian daripada Ijma'. Oleh kérana 'umum-nya fahaman nas2 yang mëngënaï hukum bagi bërmacham2 këjadian yang bërlaku mëngikut përedaran masa dan pérubahan tëmpat, maka ijтиhad ada-lah pënting untok mënchari satu hukum yang khas bagi satu2 këjadian bërdasarkan nas yang 'umum itu. **Ijtihad** ada-lah fikiran manusia, sëdangkan pëndapat fikiran manusia itu tidak tërmësti sa-kata atau sa-pëndapat. Sëbab itu-lah bërlaku përsëlisehan tëntang hukum2 yang terbina atas ijтиhad.

Dari tiga puncha yang télah di-térangkan di-atas nyata-lah bagi kita mëngapa bërlaku përsëlisehan hukum2 yang mënyébabkan terbëntok-nya mazhab2 yang bërlainan pëndapat pada satu këjadian yang tidak tërang hukum-nya dari 'umum nas. Oleh bërnas dan mashhor-nya pëndapat2 imam2 yang mujtahid tadi, maka pëndapat mëreka itu di-sokongi oleh 'ulama'2 yang bërsëpëndapat dëngan mëreka. Dari sini-lah timbul-nya apa yang di-katakan "ashab". **Ashab** ia-lah bëberapa orang pënyokong bagi imam2 mujtahid itu. Mithal-nya ashab Abu Hanifah ia-lah Abu Yusof dan Muhammad bin Hasan, manakala antara ashab Imam Shafi'e pula ia-lah Imam2 Nawawi dan Ramli.

Tiap2 satu mazhab itu berusaha mëmpërluaskan lagi daerah pérundangan dalam mazhab-nya. Dalam pada itu pun tidak-lah tërmësti bahawa ashab2 itu tëtap tèrkongkong pëndapat-nya dëngan pëndapat imam-nya dalam sa-gënap përkara, malah tërdapat juga antara mëreka yang bërsëtuju dëngan-nya pada satu2 hukum bagi satu2 këjadian dan mënëntangi-nya pula pada hukum bagi satu këjadian yang lain.

Apa yang maseh mënjadi tauda tanya bagi kita sëkarang sa-télah mëngëtahui bagaimana terbëntok

mazhab2 fiqh itu ia-lah bërapa banyak pula mazhab2 fiqh Islam itu? Memang banyak juga imam2 mujtahid yang mënchol mëmainkan përanan pënting dalam medan pérundangan Islam ini. Antara mëreka ia-lah Abu Ja'afar As-Sadiq, Zaid bin Ali Zainul Abidin, Al-Auza'ie, Ibnu Abi Laila, Al-Laith bin Sa'ad dan Daud Az-Zahiri. Ada pun pëndapat2 atau mazhab2 mëreka ini kurang mashhor oleh kurang pënyokong2 dan kurang pula buku2 pérundangan mazhab mëreka yang tèrchipta. Ada pun mazhab2 yang mashhor oleh banyak pëngikut2-nya itu ia-lah èmpat sahaja. Satu mazhab yang ta' kurang mashhor-nya juga di-samping mazhab èmpat ini dan maseh mëmpëngarohi banyak pëngikut2-nya ia-lah mazhab Shi'ah.

SOALAN2:

1. Kalau-lah sumbar asasi pérundangan Islam itu hanya Al-Qurän mëngapa-kah bërlaku përsëlisehan hukum2 bagi satu2 këjadian itu?
2. Chuba tërangkan satu sahaja daripada puncha2 përsëlisehan hukum2 dalam Fiqh Islam. Béri chontoh kalau përlu.
3. Siapa-kah antara imam2 mujtahid yang tèrkanan dalam mëng-i'tirafkan fatwa2 sahabat2? Mëngapa?
4. Mëngapa-kah sa-tëngah2 imam mujtahid mënolak hukum2 yang terbit dari ijтиhad sahabat dan mëndahulukan ijтиhad sëndiri?
5. Apa èrti "ashab"? Siapa-kah antara ashab Abu Hanifah yang mashhor itu?
6. Apa-kah sëbab2 yang mënyébabkan kurang mashhor-nya mazhab2 yang lain daripada mazhab Fiqh Islam yang èmpat itu?

Pengenalan Rengkas Imam2 Mazhab Yang Empat

1. Abu Hanifah (80 - 150 Hijrah)

SIAPA-KAH ABU HANIFAH?

Nama penuhnya ia-lah Abu Hanifah An-Nu'man bin Thabit. Beliau ada-lah bangsa Farsi. Lahir di-Kufah. Sa-orang saudagar kain yang terkenal dengan kejuoran-nya di-bandar Kufah.

Mula berasik 'Ilmu Fiqh kepada Hammad bin Abu Sulaiman dan menerima pelajaran Hadith dari 'Ata' bin Abi Rabah, Abdullah bin Mubarak, Waki' bin Jarrah dan lain2 'ulama' lagi. Sempat bermusyawarah dengan empat orang sahabat Rasulullah ia-itu Anas bin Malik dan Abdullah bin Abi Aufa di-Kufah, Sahal bin Sa'ad di-Madinah dan Abu Tufail di-Makkah. Akan tetapi tidak ada apa pun yang dipelajari-nya dari mereka.

Dalam zaman pemerintahan Kerajaan bani Umayyah ia-itu zaman pemerintahan Khalifah Marawan bin Muhammad telah pernah beliau dipaksa menjawat jawatan kadzi. Tetapi oleh sebab beliau enggan menerima, maka beliau dipukul sebanyak 110 rotan, pada tiap2 hari 10 rotan. Akhirnya beliau tidak juga mau menerima. Kemudian beliau pun dibebaskan. Sa-lain dari itu Khalifah Abu Ja'afar Al-Mansor ia-itu khalifah kedua Kerajaan Bani Abbasiah juga memaksa beliau menjawat jawatan khadzi tetapi beliau enggan menerima-nya lalu beliau dipenjarakan.

[52]

[53]

Beliau meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah, ia-itu pada tahun dilahirkan Imam Shafi'e. Sa-tengah ahli sejarah mengatakan kejadian ini berlaku pada hari yang sama; ia-itu hari kematian Imam Abu Hanifah itu-lah hari kelahiran Imam Shafi'e. Patut di-ingat keistimewaan Imam Abu Hanifah ia-itu sa-orang imam mujtahid yang terkenan dalam gelanggang qias. Mazhab-nya ini lebih terkenal dengan sebutan "Mazhab Hanafi".

PERKEMBANGAN MAZHAB HANAFI.

Abu Hanifah mempunyaï beberapa orang sahabat yang kenamaan yang bertugas memperkembangkan pendapat2 mazhab-nya. Mereka ada-lah juga berguru kepada-nya. Mereka-lah yang berusaha memperluaskan daerah perundangan dalam mazhab-nya itu. Antara sahabat2-nya yang paling terkenal ia-la Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan.

Mazhab-nya mula berkembang di-kota Baghdad pada tahun 170 Hijrah, ia-itu dalam zaman pemerintahan Khalifah Harun Ar-Rashid khalifah kelima Kerajaan Bani Abbasiah. Perkembangan itu bermula ketika Abu Yusuf bekas murid-nya itu dilantik oleh baginda Harun Ar-Rashid menjadi hakim negara. Kemudian mazhab-nya ini berkembang dengan maju-nya kanegeri Maghribi (Morocco) dan ka-Pulau Sicily. Di-Mesir pula mazhab ini berkembang bersaingan dengan Mazhab Maliki dan Mazhab Shafi'e. Kemudian tersibar dengan luas-nya di-negeri India dan Turki.

Rengkasnya mazhab ini di-anuti oleh sebahagian umat Islam di-Iraq, Syria, India, Pakistan, Afghanistan, Turki, Morocco dan Mesir. Jumlah pengikut-nya yang terbesar sa-kali dalam dunia Islam ia-lah di-India, ia-itu ditaksirkan ta' kurang daripada 48 juta manusia.

SOALAN 2:

1. Apa-kah nama pěnoh Imam Abu Hanifah?
Apa-kah bangsa-nya dan di-mana-kah běliau di-lahirkan?
 2. Apa-kah kěrja Imam Abu Hanifah sa-bělum měnjadi imam mujtahid?
 3. Kapada siapa-kah ia běrgurukan 'Ilmu Fiqh?
Siapa-kah antara sahabat2 Rasulullah yang bersěmasa děngan hidup-nya?
 4. Siapa-kah khalifah yang měnyeksa běliau děngan pukulan rotan? Apa-kah sěbab běliau di-seksa?
 5. Siapa-kah dua orang sahabat-nya yang mashhor itu?
Těntang apa-kah těristimewa-nya Imam Abu Hanifah běrbanding děngan imam2 mujtahid yang lain?
 6. Di-mana-kah mazhab-nya ini mula běrkěmbang? Bila?
 7. Di-mana-kah těrdapat pěngikut2 mazhab ini děngan banyak-nya?
- * * * * *

2. Malik Bin Anas (95-179 Hijrah)**SIAPA-KAH IMAM MALIK?**

Nama pěnoh-nya ia-lah Malik bin Abi 'Amir Al-Asbahi. Datok-nya ada-lah salah sa-orang daripada sahabat Rasulullah. Běliau lahir di-Madinah. Ada-lah di-katakan bahawa běliau di-kandongi ibu-nya sa-lama tiga tahun baharu-lah di-lahirkan. Sangat běr-sopan santun dan wara' pula. Oleh těrlalu wara'-nya ia ta' měngěnděra'i binatang dalam kota Madinah walau di-sa'at běliau tua dan lěmah. Ta' akan měmbicharakan Hadith Rasulullah sa-bělum běrwudzu' děngan tujuan měmuliakan-nya. Ta' suka běrbual di-těngah jalan atau sambil běrdiri.

Běliau juga sa-nasib děngan Imam Abu Hanifah kěrana měnérima pěnyeksaan dari pehak pěměrentah atas satu fatwa yang ta' di-sětujuí oleh pěměrentah. Kětika běliau běr'umor lěbeh kurang 54 tahun, wakil pěměrentah bagi pehak Abu Ja'afar Al-Mansor di-Madinah tělah měměrentah supaya ia di-seksa děngan pukulan chěměti sa-banyak ta' kurang daripada 60 kali kěrana měngěluarkan satu fatwa měngěna'i hukum chěrai paksa yang mana hukuman ini ta' di-sětujuí oleh pehak yang běruasa itu. Tětapi běliau tětap těgas děngan pěndapat-nya itu.

PĚRKĚMBANGAN MAZHAB MALIKI.

Mazhab ini mula běrkěmbang di-kota Madinah ia-itu těmpat tumpah darah pěngasas-nya. Kěmudian měnjalar ka-sěluroh tanah Hijaz. Pernah di-chadangkan oleh Khalifah Harun Ar-Rashid untok di-jadikan mazhab rěsmi pěměrentahan-nya, tětapi ta' měndapat pěrsétujuan dari Imam Malik sěndiri. Kěmudian mazhab ini běrkěmbang ka-Měsir hingga ka-masa Imam Shafi'e

mengembangkan mazhab-nya di-situ. Ketika itu-lah terdapat tiga mazhab yang bersaingan di-Mesir ia-itu Mazhab² Hanafi, Maliki dan Shafie. Kemudian menjalar pula ka-Spain pada tahun 171 Hijrah. Pada masa sekarang mazhab ini di-anuti oleh umat² Islam di-Saudi Arabia, Morocco, Tunisia, Algeria, Tripoli, Lybia, Iraq dan Pelandak.

SOALAN²:

1. Terangkan keistimewaan tingkah laku Imam Malik.
2. Apa sebab beliau di-seksa oleh wakil pemerintah Abu Ja'afar Al-Mansor?
3. Di-mana-kah mazhab ini mula berkembang?
4. Di-mana-kah terdapat kebanyakan pengikut² mazhab ini dalam dunia Islam sekarang?
5. Bila-kah Imam Malik meninggal dunia?

3. Muhammad Bin Idris As-Shafie (150 – 204 Hijrah)

SIAPA-KAH IMAM SHAFI'E?

Nama penuh-nya ia-lah Muhammad bin Idris As-Shafie. Lebih terkenal dengan sebutan "Imam Shafie." Bangsa Arab Quraish. Bertemu keturunan-nya dengan Nabi Muhammad s.a.w. pada 'Abdi Manaf. Dilahirkan di-Ghazzah, Pelandak dalam masa pemerintahan Abu Ja'afar Al-Mansor. Beliau juga sa-nasib dengan Rasulullah kerana ayah-nya wafat sedang ia dalam kandungan ibu. Ketika berusia baru dua tahun di-bawa oleh ibu-nya berpindah ka-Makkah. Di-Makkah mereka tumpang hidup di-samping adek beradek.

Ketika maseh kecil di-Makkah ia telah bergaul dengan Suku Huzail di-daratan (suku Arab yang paling fasih pertutoran-nya). Dari mereka-lah beliau belajar sastera Arab dan pantun. Ketika usia-nya baharu sahaja 12 tahun sudah pun boleh menghafadz Al-Qur'an dan membaca-nya dengan tutoran yang fasih.

Mula² ia berguru di-Makkah kepada sa-orang 'alim mufti Makkah ia-itu Muslim bin Khalid. Beliau menghafadz semua isi Kitab Al-Muwatta' kepunyaan Imam Malik dengan fahaman yang sungguh pula. Kemudian pergi pula ka-Madinah membaca-nya kepada Imam Malik sendiri. Dari itu Imam Malik ada-lah guru beliau dalam 'Ilmu Fiqh Islam. Dengan ini juga bererti yang Imam Malik itu guru beliau yang kedua.

Kemudian beliau pergi ka-Iraq. Di-sana beliau telah bermohon dengan ashab Abu Hanifah, antara-nya Muhammad bin Hasan. Hasil dari itu beliau diajui sa-bagai sa-orang yang bijak dalam 'Ilmu Fiqh Islam. Di-Iraq beliau mengeluarkan fatwa bagi berbagai² kajadian dan di-ikuti oleh banyak juga penduduk² Iraq. Ini-

lah tunas mula pěrkembangan Mazhab běliau di-Iraq. Sěgala fatwa běliau kětika běrada di-Iraq itu di-kumpul oleh ashab-nya dan těrkěnal pula děngan fatwa "Mazhab Qadim" atau "Mazhab Lama".

Kěmudian běliau běrpindah pula ka-Měsir pada tahun 198 Hijrah dan tinggal di-Fustat těmpat těrtěgaknya Jami' 'Amru Ibnul-'As. Di-sini běliau měngěluarkan běrbagai2 fatwa pula. Sěgala fatwa běliau dalam masa běrada di-Měsir ini juga kěmudian-nya di-kumpul dan di-kěnal děngan fatwa "Mazhab Jadid" atau "Mazhab Baru". Di-sini-lah juga běliau wafat dan di-kěbumikan.



(Pěněbit běrziarah ka-Měsjid Imam Shafi'e di-Měsir.
Dalam měsjid ini-lah maqam Imam Shafi'e)

Antara kitab běliau yang di-anggap měnjadi asas mazhab-nya ia-lah kitab "Al-'Um". Běliau juga di-anggap orang yang mula2 měmpěrsěmbahkan "Ilmu Usulul-Fiqh" (*Principle of Islamic Law*). 'Ilmu ini ditulis-nya dalam sa-buah kitab yang di-běri nama "Ar-Risalah".

PĚRKEMBANGAN MAZHAB SHAFI'E.

Mazhab ini pěrtama kali-nya běrkěmbang di-Iraq dan Měsir. Kěmudian di-kěmbangkan lagi oleh murid2-nya měnandingi Mazhab Hanafi dan Maliki. Sa-chara 'umum dapat di-katakan bahawa Mazhab Shafi'e ini di-anuti oleh orang2 Islam di-Měsir, Iraq, Sham, Hijaz, Yaman, něgéri2 Asia Těngah dan Kěpuluan Mělalu.

SOALAN2:

1. Apa-kah nama pěnoh Imam Shafi'e? Apa-kah bangsa-nya?
2. Di-mana-kah dia di-pěranakkan dan bila?
3. Di-mana-kah ia hidup pada masa kěchil?
4. Apa-kah pělajaran yang tělah di-pěrolehi-nya dari Suku Huzail di-daratan Makkah?
5. Apa-kah kěistimewaan Suku Huzail ini běrbanding děngan suku2 Arab yang lain?
6. Siapa-kah guru-nya yang pěrtama dalam pělajaran "Ilmu Fiqh"? Siapa pula guru-nya yang kedua?
7. Bila-kah ia běrpindah ka-Měsir dan di-mana-kah ia běrtětap?
8. Apa-kah nama kitab-nya yang di-anggap měnjadi asas bagi mazhab-nya itu?
9. Apa-kah nama buku Ilmu Usulul-Fiqh yang pěrtama kali di-chipta-nya itu?
10. Apa-kah mazhab Fiqh Isam yang di-anuti oleh orang2 Mělalu di-Sěměnanjong Tanah Mělalu?
Mazhab mana pula ds-anuti oleh orang2 India di-Tanah Mělalu ini?



4. Ahmad Bin Hanbal (164 – 241 Hijrah)

SIAPA-KAH IMAM HANBALI?

Nama pěnoh-nya ia-lah Abu Abdullah Ahmad bin Hanbal Ash-Shaibani. Běrbangsa Arab. Di-kěnal juga děngan sěbutan "Imam Hanbali". Di-lahirkan di-Baghdad. Sangat chěnděrong k a p a d a měmpělajari Hadith. Di-hafadz-nya běratus ribu Hadith Rasulullah děngan fahaman yang měndalam pula. Kérana ini běliau di-kěnal juga děngan gělaran "Imam Ahli Sunnah". Lěbeh dari 40 ribu Hadith di-kumpul-nya dalam ēnam jilid kitab-nya yang mashhor di-namakan "Al-Musnad". Kapada-nya běrguru dua orang imam Hadith yang mashhor ia-itu Bukhari dan Muslim.

Dalam zaman hidup-nya timbul pula mushkilah (*Problem*) Qurān itu bukan qadim. Sa-běnar-nya mushkilah ini tělah běrtunas sějak zaman pěměrentahan Khalifah Al-Ma'mun bin Harun Ar-Rashid. Měngěnai ini běliau tělah di-seret kapada Khalifah Mu'a'tasim dan di-paksa měmběri fatwa měngatakan bahawa "Al-Qurān itu bukan qadim. Běliau ěnggan měnurut pěrentah lalu di-seksa hingga ta' sědar diri. Kěsakitan itu di-hidapinya běběrapa lama sa-bělum běliau wafat. Pada tahun 241 Hijrah wafat-lah běliau di-Baghdad tanah tumpah darah-nya.

PĚRKĚMBANGAN MAZHAB HANBALI.

Mazhab ini těrsibar děngan luas di-Baghdad dalam abad kěempat dan di-Měsir dalam abad kětujuh. Sa-chara 'umum dapat di-katakan bahawa mazhab ini těrdapat di-Iraq, Měsir, Sham dan Hijaz. Mazhab ini tidak bagitu maju di-kalangah orang2 Islam di-bahagian timor.

SOALAN2:

1. Apa-kah nama pěnoh Imam Hanbali ?
2. Bila-kah běliau di-lahirkan dan di-mana ?
3. Apa-kah nama kitab Hadith-nya yang mashhor itu dan apa-kah kandongan-nya ?
4. Siapa-kah antara imam2 Hadith yang běrguru kapada-nya ?
5. Měngapa-kah Khalifah Al-Mu'tasim měnyeksa-nya ?
6. Di-mana-kah těrdapat pěnganut2 mazhab-nya dalam dunia Islam ini ?
7. Bila-kah ia měninggal dunia ?

SĚLĚSAI